



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK ABDUL RAHMAN BIN DOLLAH
KETUA PEMUZIK SENI TRADISIONAL WAYANG KULIT DI MACHANG,
KELANTAN.**

OLEH:

SITI NORAFIQAH BINTI MOHD NASIR (2020602396)
NOR HANISAH BINTI SAKRI (2020819546)

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCTOBER 2022– FEB 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK ABDUL RAHMAN BIN DOLLAH
KETUA PEMUZIK SENI TRADISIONAL WAYANG KULIT DI MACHANG,
KELANTAN.**

OLEH:

SITI NORAFIQAH BINTI MOHD NASIR (2020602396)
NOR HANISAH BINTI SAKRI (2020819546)

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCTOBER 2022– FEB 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan berkat dan keizinannya kami berdua dapat menyiapkan tugasan transkrip wawancara bersama Encik Abdul Rahman Bin Dollah seorang Ketua Pemuzik Tradisional Wayang Kulit, Kelantan. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Nurulannisa Abdullah yang telah banyak memberikan kami peluang, waktu dan bantuan sepanjang tempoh kami menyiapkan tugasan transkrip kami. Tidak lupa juga, kami ingin ucapkan terima kasih kepada diri kami antara satu sama lain serta rakan rakan kami yang lain dan juga ahli keluarga kami. Di atas setiap dorongan yang telah diberikan kepada kami untuk menyiapkan tugasan ini bersama sama.

Tidak lupa juga di atas kerjasama yang diberikan oleh tokoh kami Encik Abdul Rahman Bin Dollah dan keluarganya diatas kesudian beliau untuk ditemubual oleh kami bagi melengkapkan tugasan transkrip ini.

ABSTRAK

ABSTRAK

Kajian ini merupakan temubual sejarah lisan bersama seorang tokoh seni yang merupakan ketua pemuzik tradisional dalam bidang wayang kulit. Temubual ini dijalankan bersama Encik Abdul Rahman Bin Dollah atau dikenali sebagai Abah Man yang merupakan seorang ketua pemuzik tradisional dalam bidang wayang kulit. Temubual ini akan dijalankan di tempat kediamannya di 951, Jalan Indah, 18500 Machang, Kelantan. Encik Abdul Rahman ini telah lama bergiat dalam kegiatan persembahan wayang kulit iaitu sejak zaman kanak-kanak sehingga kini. Temubual sejarah lisan ini dibuat untuk mengenal pasti latar belakang kehidupan seorang tokoh seniman yang merupakan penggiat dalam bidang muzik tradisional wayang kulit. Faktor-faktor beliau menceburi diri dari zaman kanak-kanak sehingga kini juga dapat dikenal pasti dengan tepat dan terperinci. Tidak dinafikan, setiap kegiatan yang diceburi sememangnya mempunyai cabaran dan halangan. Jadi, sejarah temubual lisan ini berperanan untuk mempelajari tentang cabaran yang dihadapi oleh beliau sebagai seorang ketua pemuzik tradisional wayang kulit. Kejayaan merupakan perkara yang pasti diperolehi dalam apa jua kegiatan. Jadi, dalam bidang muzik tradisional wayang kulit ini semestinya telah memperoleh banyak kejayaan. Temubual ini berperanan untuk mengkaji kejayaan yang diperolehi oleh seorang ketua pemuzik tradisional dalam bidang persembahan wayang kulit ini.

Kata kunci: Wayang Kulit, Muzik Tradisional, Pemuzik, Sejarah Lisan, Tokoh Seni

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
PPK Hospital Machang	Pembantu Perubatan Kesihatan di Hospital Machang
US	United States of America
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
COVID	Coronavirus Disease
PA Systems	Public Address Systems
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi Mara
OKU	Orang Kurang Upaya

SENARAI SINGKATAN

EAR: Encik Abdul Rahman

NH: Nor Hanisah

SN: Siti Norafiqah

RUJUKAN KATA

Asa	Asal
Ado	Ada
Alik	Belah
Ambik	Ambil
Atas	Bergantung
Balok	Balak
Biaso	Biasa
Blaja	Belajar
Bogi	Bagi
Buak	Buat

Buko	Buka
Bulih	Boleh
Buwi	Beri
Caro	Peduli
Cema	Kotor
cito	Cerita
Deh	Yer
Demo	Awak/mereka
Dio	Dia
Doh	Dah
Dok	Tak
Dreba	Driver
Duk	Duduk
Gapo	Apa
Gi	Pergi
Hambak	Kejar
Hok	Yang

Jah	Sahaja
jale	Jalan
Kalu	Kalau
Kecek	Cakap
Kijo	Kerja
Ko	Kat
Kure	Kurang
Lagu tu	Macam tu
Letrik	Elektrik
Lintas	Menyeberangi
Loni	Sekarang
Mari	Datang
Maroh	Marah
Meme	Memang
Miak	Rotan
Mugo	Sebab
Naik	Datang

Nak-nak	Lagi-lagi
Nok	Nak
Ore	Orang
Piak	Dirotan
Pulas	Cubit
Pulok	Pula
Royak	Beritahu
Sari	Sehari
Sekerat	Separuh
Sekolah	Sekolah
Sene	Senang
Serupo	Seperti
Sewo	Sewa
Sokmo	Selalu
Speak	Speaker
Susoh	Susah
Takdok	Tiada

Takpo	Takpe
Tanyo	Tanya
Tekey	Tekan
Tikah	Beza
Tokleh	Tak boleh
Tubik	Keluar
Warise	Warisan
Waye	Wayang
Wi	Beri

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
SURAT	
Penghargaan.....	iv
Kandungan.....	xiv
Abstrak.....	vi
Biodata Tokoh.....	xvi
Pengenalan.....	1
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	3-7
Bahagian B:Latar Belakang Pendidikan	8-9
Bahagian C: Kerjaya Awal.....	9-10
Bahagian D: Permulaan Awal Kegiatan Seni Muzik Tradisional Wayang Kulit.....	10-28
Bahagian E: Persembahan Seni Muzik Tradisional Wayang Kulit.....	28-44
Bahagian F: Anugerah.....	44-45
Bahagian G: Harapan.....	45-50
Rujukan.....	viii
Lampiran	
Log Wawancara.....	52-58
Diari Kajian.....	62
Senarai soalan.....	63-70
Surat Perjanjian.....	71
Gambar.....	72-77
Sijil penghargaan.....	78-80
Indeks.....	81-82

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Gambar 1 : Encik Abdul Rahman Bin Dollah

Nama: Encik Abdul Rahman Bin Dollah

Umur: 66 Tahun

Tarikh Lahir: 27 May 1957

Tempat Lahir: Kampung Banggol Kulim,

Status: Berkahwin

Nombor Telefon: 01135656122

Nama Ayah: Dollah Bin Hussin

Nama Ibu: Rokiah Binti Hassan.

Pendidikan: Di Sekolah Kebangsaan Telekong, Kuala Krai.

PENGENALAN

PENGENALAN

Kami pelajar dari Universiti Teknologi Mara Jurusan IM245, Machang Kelantan. telah diberi tugas untuk wawancara tokoh seni yang berpengalaman luas tentang kesenian yang mereka terlibat dan alami sepanjang usia mereka. Tujuannya adalah untuk melengkapkan transkrip untuk subjek IMR604: Oral Documentation ataupun sejarah lisan. Di dalam transkrip lengkap ini kami menyatakan skop kerja yang perlu dilengkapkan oleh kami bagi memenuhi kemahuan yang telah ditetapkan oleh pensyarah kami madam NurulAnnisa Abdullah. Kami menyertakan transkrip perbualan kami menggunakan teknik temu bual dengan tokoh yang kami pilih iaitu Encik Abdullah Bin Dollah, Ketua Pemuzik Tradisional Wayang Kulit. Selepas itu, perbualan kami bersamanya akan ditulis kembali dalam bentuk bertulis ataupun secara sejarah lisan.

Melalui kaedah temu bual ini, kami akan menulis kembali dari awal hingga akhir untuk memastikan semua maklumat dapat disertakan dengan jelas dan cukup dalam transkrip kami. Tokoh yang dipilih kami iaitu Encik Abdullah Bin Dollah merupakan Ketua Pemuzik Tradisional Wayang Kulit yang cukup disegani di negeri Kelantan dengan kehebatan dan kepakaran beliau yang sudah lama menempa lama dalam bidang kesenian ini. Lebih menarik lagi, kemahiran beliau dalam bidang kesenian ini telah diturunkan dan disambung legasi oleh anak-anak beliau, terutamanya anak bongsu beliau iaitu Irshad Abdul Rahman.

Disamping itu, kepakaran Encik Abdul Rahman Bin Dollah dalam bidang Pemuzik Tradisional Wayang Kulit ini telah membuatkan beliau berjaya menempa nama di luar negara terutamanya Paris dan lain-lain. Bahkan beliau turut mempunyai kumpulan Seni Warisan Pusaka, Machang Kelantan sendiri. Oleh itu, perkongsian yang beliau kongsikan kepada kami telah menarik minat kami berdua untuk mendalami dengan lebih dalam bidang seni Wayang Kulit ini sendiri. Bahkan, beliau juga amat mementingkan kesenian Wayang Kulit ini untuk dijaga dengan baik agar sentiasa terpelihara dan mampu dikenalkan untuk generasi baru yang akan datang nanti.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tradisional, Bersama-sama kami ialah Encik Abdul Rahman Bin Dollah yang merupakan seorang Ketua Pemuzik Tradisional dalam bidang Wayang Kulit Kelantan yang masih aktif hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 10 Januari 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 3 petang bertempat di Kampung Batu 25, Machang. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Norafiqah Mohd Nasir dan Nor Hanisah Sakri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

SN : Siti Norafiqah Binti Mohd Nasir

EAR : Encik Abdul Rahman Bin Dollah

NH : Nor Hanisah Binti Sakri

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

SN : Assalamualaikum encik, pertama sekali kita akan mulakan sesi ini dengan latar belakang encik terlebih dahulu.

EAR : Waalaikumussalam

SN : Encik apa khabar, bagaimana dengan kesihatan encik hari ini?

EAR : Sihat, baik, Alhamdulillah

SN : Bolehkah encik beritahu kami nama sebenar encik?

EAR : Nama penuh Abdul Rahman Bin Dollah, berasal dari kampung Banggol Kulim, asal, kampung asal lah tu . Di Machang.

SN : Bilakah tarikh encik dilahirkan?

EAR : 27 / 5 / 57 [1957].

SN : Berapakah umur encik sekarang?

EAR : Sekarang nak dekat 65, betul dok [kan] 65? (Afiqah mengangguk)

SN : Berapakah bilangan adik beradik encik?

EAR : Bilangan adik beradik ada 7 orang.

SN : Encik anak yang keberapa?

EAR : Anak yang ke-5

SN : Adakah encik sememangnya dilahirkan dan dibesarkan di negeri Kelantan? Nyatakan nama tempat tersebut.

EAR : Ya, saya dilahirkan di Negeri kelantan. Di Kampung Banggol Kulim.

SN : Adakah encik ada sebarang gelaran yang diberikan kepada encik oleh penduduk kampung atau keluarga?

EAR : Penduduk kampung duk [akan] panggil saya ‘boleh kecek kelate laa dih?’ [‘boleh cakap kelantan lah yer?’]. Orang duk [akan] panggil abah Man di kampung.

SN : Apakah hobi encik ketika waktu lapang?

EAR : Sekarang ni? (saya mengangguk). Kalau hobi zaman dulu hobi lain, hobi memancing, kalau main sukan, badminton. Sekarang ni hobi tradisional lah sebab kita ceburi serupa [macam] pakcik Man ni, apa dia tu, Abah Man. ‘Boleh biasakan Abah Man deh [ya]’, Abah Man duduk [sedang] latih budak-budak generasi baharu ni, jadi, hobinya tradisional lah. Panduan tradisional.

SN : Seterusnya encik, kita beralih kepada latar belakang kedua ibu bapa encik. Apakah nama penuh mereka?

EAR : Dollah Bin Hussin, Bapa. Ibu, Rokiah Binti Hassan.

SN : Dahulu, ibu bapa encik bekerja sebagai apa?

EAR : Penoreh dengan Petani. Petani padi.

SN : Adakah encik sudah berkahwin?

EAR : Ya, Sudah.

SN : Sudah berapa lama tempoh perkahwinan encik?

EAR : Sekarang ini masuk dekat 40 tahun dah.

SN : Bolehkah encik beritahu nama isteri encik?

EAR : Nama isteri Adilah Binti Muhammad.

SN : Berapakah pula umur isteri encik?

EAR : Umur, saya rasa 63 tahun ya.

SN : Adakah isteri encik merupakan asal dari negeri Kelantan?

EAR : Ya, berasal dari negeri kelantan.

SN : Nyatakan nama tempat?

EAR : Nama tempat kampung Bukit Tanah, Selising, Pasir Puteh.

SN : Apakah pekerjaan isteri encik?

EAR : Sekarang ni dah bersara.

SN : Bersara sebagai?

EAR : Sebagai PPK [Pembantu Perubatan Kesihatan] Hospital Machang.

SN : Berapakah bilangan kesemua anak encik?

EAR : 5 orang

SN : Adakah encik mempunyai cucu? Nyatakan jumlahnya.

EAR : Ya, sudah 6 orang cucu (ketawa). 7 orang termasuk yang baru lahir.

SN : Boleh encik gambarkan sedikit kenangan sewaktu kecil yang masih kekal dalam ingatan encik?

EAR : Oh, kenangan waktu kecil dan kenangan masa kecil, masa umur 8 tahun, darjah 2, yang kekal dalam ingatan, jadi pakcik pergi mengaji al-Quran, siap mengaji al-Quran, jadi pakcik lari, lari pergi tengok wayang kulit. Jadi ibu bapa hambah [kejar] lah pergi cari, pergi cari tu, dia kalau dulu dia panggil miak [rotan], kena miak [rotan]. Kena piak piak piak. Itulah kenangan yang tidak dapat dilupakan sebab kita kata dah mengaji dah tapi dia kata tak mengaji lagi. Dia kata kena pergi mengaji dulu. Tu kenangan dia.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Seterusnya, kita akan beralih kepada latar belakang pendidikan encik pula.

SN : Bolehkah encik ceritakan latar belakang pendidikan encik dari pendidikan awal dahulu sehingga peringkat tertinggi?

EAR : Pendidikan pakcik dia tak, boleh dikatakan tak sekolah, sekolah hanya setakat darjah 6. Di Sekolah Kebangsaan Telekong, Kuala Krai. Sekolah situ, setakat darjah 6 je pakcik. Latar belakang dia jadi tak sekolah tinggi lah.

SN : Apakah subjek kegemaran encik?

EAR : Sekolah tu tiada nak kena pilih subjek, apa yang bahasa masa kecil tu (cuba mengingat), duk main sukan je lah, duk main sukan dengan seni je lah. Masa duduk [tinggal] di kampung, nak-nak [lagi-lagi] masa lahir dulu, pakcik lahir dulu di Banggol Kulim tu, letrik [elektrik] pun takde, hidup dengan pelita ayam, memang bukan kata susah, jadi kira kehidupan tu tak maju lagi di kampung tu, takde elektrik lagi. Jadi tahun 57 [1957], 58 [1958] tu pakcik darjah 4, kalau kira sampai ke 10 tahun. 10 tahun umur pakcik tu, tu pun tak masuk lagi elektrik, takde lagi. Tahun 80 [1980] lebih baru masuk elektrik di kampung tu lah, di kampung Banggol Kulim tu. Dia masuk kampung Telekong dulu, dia mari alik [belah] Kuala Krai. Sini alik [belah] Machang dia lambat. Pasal kampung tu tak maju, Banggol Kulim tu.

SN : Adakah encik pernah memasuki apa apa pertandingan ketika di sekolah?

EAR : Takde.

SN : Bolehkah encik kongsikan pengalaman manis encik ketika di sekolah?

EAR : Di sekolah tu memang takde lah, jadi berkawan je lah. Masa budak-budak darjah 6, 12 tahun tu, apa yang nak main sangat. Kenangan tu gak [penambah ayat dalam dialek kelantan] suka laa jalan kaki jauh, dengan kenderaan takde, bas sekolah mana ada dulu. Dalam kampung tu, satu kampung lah tukar [beza] dari kampung banggol Kulim ke Kampung Telekong, jalan kaki pergi sekolah.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL

Baiklah, kita beralih kepada pekerjaan awal encik dahulu.

SN : Sebelum encik terlibat dalam persembahan wayang kulit ini, adakah encik ada pekerjaan lain?

EAR : Dia terlibat Wayang Kulit dulu baru ada kerja. Jadi, masa kecil, masa kecil tu belasan tahun, umur belasan tahun, jadi terlibat dengan wayang kulit. Pakcik terlibat dengan wayang kulit. Masa tu, lepas terlibat dengan wayang kulit, umur 19 tahun pakcik pun masuk bekerja. Bekerja di hospital, bekerja di Hospital machang sebagai pemandu, driver ambulans. Jadi, masa tu jadi -- apabila bekerja, jadi seni ni pakcik belakangkan lah, ke belakang lah. Tak cara [peduli] lah kalau kecek [cakap] kelate [kelantan]. Tak cara [peduli] ke [dekat] seni dah lah. Tak main seni dah mugo [sebab] kita pandai doh [dah]. Jadi, selepas tu kerja lebih kurang tahun -- selepas berkahwin, apabila berkahwin tu baru terlibat pulak wayang kulit, kesenian baru terlibat pulak. ‘Jadi tempoh bekerja sebagai pemandu ambulans tu berapa tahun?’ (saya mencelah). Kalau

sebagai pemandu ambulans tu sampai ke pencen lah. Sampai 55 tahun.

SN : Berapakah gaji yang diterima ketika encik bekerja ketika itu?

EAR : Ketika tu gaji betul-betul murah lah masa tu. Gaji 280 sebulan.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PERMULAAN AWAL KEGIATAN TOKOH DALAM SENI MUZIK WAYANG KULIT

Seterusnya, kita beralih pula tentang kegiatan encik dalam bidang wayang kulit ini.

SN : Sekiranya encik masih ingat, pada tahun bilakah encik mula berjinak jinak dalam bidang muzik tradisional wayang kulit?

EAR : Dari awalnya, dalam tahun tu tak ingat lah, tahun berapa, 20 [1920] lebih lah. Darjah, 57 [1957] lahir, maknanya pakcik umur 8 tahun, sekolah darjah 2. 8 tahun darjah 2 kan?. ‘Haah betul’ (saya menjawab). Tahun 2 tu 8 tahun, dulu kita panggil Tahun 2. 8 tahun tu pakcik berjinak-jinak dah dengan wayang kulit ni. Wayang kulit, dikir barat dengan silat. Jadi, masuk alam pekerjaan tu jadi pakcik pun tidak terus lah sebab di negeri Kelantan ni pun, dia bukan kata diharamkan, cuma menjadi ditapis lah, ditapis dan tak boleh nak main. Kena main pun tempat tempat tertentu sahaja. Jadi, pakcik pun tak main. Lepas tu, - - apabila arwah Pak Dollah Baju Merah ni, minta tolong ambil mengembalikan kesenian wayang kulit ni, haa masa tu lah dalam tahun sebelum dia meninggal, lupa lah, tak tahu pakcik pun dah lupa. Jadi, pakcik bergiat pulak lah dalam tahun tu lebih kurang 30 tahun dulu. Jadi bergiat lagi, tulah pakcik cebur diri pulak dalam wayang kulit. Jadi, pakcik buat wayang kulit bukan kata versi baharu, generasi baharu. Wayang kulit

hok [yang] asal tapi generasi baharu. Generasi baharu jadi dia ajar budak silat, budak dikir barat. Sebelum anak-anak lahir. (Ketawa) Bukan, bukan belum lahir, anak-anak dah lahir tapi dia kecil-kecil lagi. Jadi, kesemua 4 orang anak tu berjaya belaka, sampai ke Universiti gading [menara gading]. Hak [yang] sulung sampai Universiti Melaka tu. Hak [yang] tu duk di Perlis, hak [yang] sakni [tadi] tu. Habis doh [dah]. Sorang duk d UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris] yang jumpa dalam internet tu. Duk di UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris] dia ambil bahagian Muzik. Tak habis lagi dia nya. Jadi, bagi pakcik kejayaan tu alhamdulillah lah anak-anak tu dan masih diteruskan juga tradisional ni. Dalam tahun 2016 ke pergi ke US [United State], 2006 pergi ke Perancis. Lepastu 2016, 2017 setahun selepas daripada tu pergi Amsterdam. Itu lah 3 negara, lepastu Covid, lepastu Covid tu, kita tak pergi, sepatutnya pergi tour ke Europe dengan kesenian lah, pakcik bawa seni ni.

SN : Siapakah guru encik yang memberi tunjuk ajar kepada encik dalam seni muzik wayang kulit ini?

EAR : (Bunyi kucing)

Guru asalnya dari kampungnya -- tak tahulah nama sebenarnya pakcik tak tahu, nama penuh dia tak tahu. Tapi pakcik ingatnya orang panggil Tok Mat Sal. Jadi, dulu dia main di kampung, jadi dia lah mengajar asalnya. Selepas daripada tu, Pak Dollah Baju Merah. Pak Dollah Baju Merah tu dari Tok Mat Sal, Tok Mat Sal tu, lama dah meninggal. Lepastu Pak Dollah Baju Merah pulak. Pak Dollah Baju Merah lah bawa pakcik tradisi ni. Tapi dengan Tok Mat Sal ni pakcik pandai dah main. Cuma pakcik ni bukan tak pelayuan wayang kulit, cuma pakcik ni bawa satu kesenian. Tu jadi pakcik pun pergi dengan Pak Dollah Baju Merah. Jadi berjalan dengan Pak Dollah Baju Merah lah main wayang kulit ke serata tempat. Dulu *show* wayang kulit ni dia -- orang panggil berbayar, berticket. Jadi kita pergi main lah, sebulan situ sebulan sini. Main sini seminggu, *direct* seminggu dulu, masa dulu lah.

SN : Adakah encik memang mendapatkan latihan dalam seni muzik wayang kulit ini di Kelantan?

EAR : Yelah

SN : Pada awal penglibatan, berapa orangkah yang bersama-sama dengan encik dalam memulai kegiatan ini?

EAR : Dia awalnya ada 12 orang dalam wayang kulit. Tapi, kebanyakannya - - ada 2 orang ke 3 orang lagi, semuanya meninggal dahla. Jadi peringkat awalnya, peringkat tua tua dahla. Peringkat tua pada pakcik masa tu. Masa jadi kita nya umur 8 tahun, 10 tahun, 11 tahun, 12 tahun. Jadi, kita kecil, diorang-diorang ni dah besar-besar dah. Ada yang dah kahwin, dah tua-tua. Jadi kita lah muda, masa umur demo [mereka] tu, masa tu lah kita ambil ilmu permainan wayang kulit ni.

SN : Adakah ada faktor lain yang mendorong kepada encik untuk meneruskan diri encik dalam bidang muzik wayang kulit ini?

EAR : Faktor lain, kalau dulu dia - - nak kata faktor lain tu takde masuk. Jadi, faktor wayang kulit sajalah. ‘Minat’ (saya mencelah). Haa minat terus cebur diri lepas tu - - selepas mengaji Quran, selepas isyak, apa nak buat, jadi budak masa tu nak cari hiburan, dia main wayang kulit, main puteri, dikir barat. Tu jelah hiburan. Jadi, faktor tu lah boleh membawa kepada minat seni ni. Televisyen jauh sekali laa dengan elektrik pun takde.

SN : Pernahkan penglibatan encik ini mendapat tentangan dari mana mana pihak?

EAR : Takde, takde. Malah diorang sanjung lah. Diorang sanjung. Baguslah diorang mengekalkan tradisional ni. Sebabnya, kalau kita tak kekal, nak harapkan siapa lagi. Siapa lagi nak tolong, kita nak minta tolong dengan siapa lagi kalau tak ada kesenian warisan, jadi tiada pewaris. Kena ada pewaris lah untuk mengekalkan tradisional ni. Nak-nak [lagi-lagi] sekarang ni kalau tentang wayang kulit, semangat itu ada, semangat wayang kulit tu, anak-anak muda sekarang ni mahu tetapi diorang sekadar melepaskan batuk di tangga. Sekali gus, ada orang main wayang kulit ada yang nak minat, nak belajar. Sebab belajar seni ni, dia setiap kita, setiap percakapan, lenggang lenggok perjalanan, itulah seni, seni bangsa melayu kita. Jadi kalau bangsa melayu kita sendiri, agama islam kita, tidak mengekalkan tradisi seni ni, benda ni nak harapkan siapa, bangsa mana lagi. Begitulah, macam pakcik, bukan tak minat, suka lah tengok anak-anak muda sekarang ni sebab kita nak beralih daripada kehidupan, kehidupan dengan *material* yang sangat maju, masuk budaya-budaya luar tu. Jadi, semua tahu lah, macam adik-adik ni lah. Baguslah, kena minat seni ni sebab ini adalah lenggang lenggok tradisional tok nenek moyang kita.

SN : Pernahkah encik pernah berasa ingin berputus asa dalam menjalankan kegiatan sebagai pemuzik persesembahan wayang kulit ini?

EAR : Bagi saya lah, mungkin orang lain tak tahu. Bagi saya, tak putus asa, Tak putus asa bagi saya. Tapi bagi orang lain saya tak tahu, mungkin lah. Tak boleh nak kata. Tapi sesetengah orang ada lah. Serupa [seperti] group pakcik di mana-mana perjalanan seni ni memang - - bagi pakcik perjalanan seni ni, liku-liku dia betul-betul mencabar, bukan semudah yang dicakapkan. So, kalau kata kan lah nak belajar wayang kulit, ‘Mari saya nak belajar geduk, nak belajar gedombak’. Bukan nak mari [datang] setakat sebulan dua bulan nak belajar geduk ni, bukan.

Sebab memakan masa mungkin setahun, mungkin dua tahun, dia atas [bergantung] kita. Yang pertama dia kena minat, dia kena ada minat lepas tu dia kena tahu kita, tapi kena tahu yang pertamanya kena -- seni ni sebenarnya budaya itu sendiri, kesopanan dan kesusilaan, tu yang tu yang penting dalam kehidupan kita selain daripada yang 5 prinsip tu. yang *last* sekali tu kita, sedangkan yang *last* sekali tu pun takde orang yang nak dukung, generasi baru loni [sekarang]. Sepatutnya kena terap lagu [macam] tu bagi pakcik. Kan? Di sekolah-sekolah dulu, masa pakcik sekolah darjah 1, darjah 2 tu dia terap-terap di sekolah tu memang betul-betul la. Biasa je kalau cikgu pagi-pagi kalau lambat, kasut cemar [kotor] pulas [cubit] perut angkat naik. Ingat lagi lah pulas [cubit] perut angkat naik dia tanya kasut cemar [kotor] apa ni? Kalau tangan, dia suruh letak atas meja nak tengok kuku. Jadi, masa tu lagi diterap, sampai sekarang lagi kita ingat. *Last* sekali, cikgu tu sebelum dia meninggal tu dia jumpa dengan pakcik. Cerita-cerita ‘mu lah budak paling nakal dulu, sekarang alhamdulillah lah mu boleh kerja, takpela kerja kuli sebagai *driver* ambulan pun tapi alhamdulillah lah’, kata cikgu Loh tu. Cikgu Loh tu duk dekat kampung Bukit Tiu tu.

SN : Berdasarkan pengalaman encik, adakah menjadi seorang ketua pemuzik tradisional wayang kulit ini sangat sibuk?

EAR : Kalau kira tu, sibuklah. Sibuknya macam dia ada undangan sokmo [selalu] lah, bukan kata setakat wayang kulit kalau *business* hok [yang] pakcik buat ni, cuma dikir barat loni [sekarang] kure [kurang], tinggal. Majlis kahwin, majlis kahwin dan apa ni macam pembukaan, nak pembukaan ada hari yang besar kalau ada hari orang-orang besar nak naik [datang], jadi ada main kertuk, rebana. Jadi pakcik ambik [ambil] belaka hok [yang] tu. Jadi, sibukah. Tak kira musim pilihan raya apa semua dia orang nok [nak] sewo [sewa] speka [*speaker*], nok [nak] sewa PA system gapo [apa] tu. Pasalnya pakcik bogi [bagi] belaka, ada belaka lah. Sebabnya dia terbitkan *business* tu loni [sekarang], kalau dulu takpo [tak apa] laa mugo [sebab] tak main dengan speka [*speaker*]. Tk main dengan PA system gapo [apa] takdok [tiada], lampu pun lampu ni jah [sahaja], lampu minyak tanah. Jadi,

pengalaman lagutu [seperti itu] lah, banyak pengalaman dengan masuk kampung tubik [keluar] kampung, lintas [menyeberangi] sungai. Pikul ni, pikul wayang kulit, pikul gendang, nak gi [pergi] main di kampung seberang sana dulu. Kampung kebanyakannya di Kuala Krai lah. Kampung Chenulang, kampung tu pusat meme [memang] tempat pedalaman tu, tempat tanah hok [yang] ore [orang] baru buko [buka] di Kuala Krai tu. Pakcik ingat lagi nak masuk kot [melalui] Sungai Durian, kampung Temalir lah, Chenulang lah, Chuchoh Puteri lah, teruk-teruk lah masa tu. Jadi, semangat kita masa tu suka, walaupun penat kita nak gi [pergi], sebab dreba [*driver*] lori atar [hantar] sekerat [separuh] jale [jalan] jah [sahaja], pahtu [selepas itu] tokleh [tak boleh] nok [nak] gi [pergi], lalu kot [melalui] jale [jalan] balok [balak], pastu [selepas itu] kita la pulok [pula] gi [pergi] main di kampung-kampung.

SN : Adakah encik mempunyai satu kumpulan muzik yang khusus untuk persembahan wayang kulit?

EAR : Haa, yaa, ada.

SN : Apakah nama kumpulan itu?

EAR : Kumpulan itu nama Seni Warisan. Seni Warisan Machang.

SN : Berapa ramai ahli pemuzik wayang kulit di bawah pentadbiran encik?

EAR : Tu sekarang ada 10 orang.

SN : **Kebanyakannya mereka berusia dalam lingkungan berapa?**

EAR : Baru-baru [Muda-muda] lah, lebih kure [kurang] itu baru - - sekarang ni ada ambik SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] 3 ore [orang], lepas tu ada hok [yang] lepas [lepasan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] ada bulih [dalam] 2 ore [orang]. Pastu hok [yang] tak sekolah [sekolah] doh [dah]. Jadi habis dahla, hok [yang] lepas [lepasan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] gapo [apa] tu hok [yang] tak kijo [kerja], hok [yang] kijo [kerja] kampung, ada 3 ore [orang] ko [ke] 4 ore [orang] gitu [begitu] lah. Sebabnya, dua generasi doh [dah] pakcik didik anak seni, pertama, generasi pertama tu sudah pergi kerja dah, habis pandai diorang tu, jadi pergi kerja dah. Masuk askar, masuk polis. Kebanyakannya masuk askar lah, masuk askar 2 ore [orang], masuk polis, kerja di Penang, kerja di KL. Ada di kelate [Kelantan] ni pulok [pula] generasi baru ni pulok [pula]. Hok [yang] terbaru ni hok [yang] duduk [masih] di sekolah [sekolah] lagi. Baru tahun ni nak ambik [ambil] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Ni generasi hok [yang] baru [baharu] pulok [pula]. Jadi hok [yang] tu lah hok [yang] pakcik kata tadi apa ni kena ada sokmo [selalu] kesenian sambungan, kena ada sokmo [selalu] sambungan, dok [kan]? (saya mengangguk). Kalau situ takdok [tiada], sini ado [ada]. Kalau situ ado [ada], sini takdok [tiada]. Sebab kalau kita latih sor [satu] generasi, akan habis generasi tu. Kita takdok [tiada] mugo [sebab] kito [kita] takdok [tiada] buwi [bagi] gaji-bergaji.

SN : **Adakah mereka perlukan pengalaman sekiranya ingin menyertai kegiatan encik?**

EAR : Tak, tak perlu pengalaman. Janji [Asalkan] ada komitmen nak mari [datang] belajar, mari [datang] lah. Terbuka untuk belajar.

SN : Apakah syarat yang encik kenakan kepada semua ahli di bawah encik?

EAR : Takdak [Tiada] syarat, syaratnya mari [datang] kito [kita] buwi [beri] gapo [apa] dio [dia], buwi [beri] ceramoh [ceramah] lebih kurang. Tapi kita takde lah, takde yuran ke gapo [apa]. Takdok [Tiada] kena yuran ke apo [apa], kita wi [bagi] ceramoh [ceramah] biar hidup dia - - biar dio [dia] mari [datang] tu srupo [seperti] dio [dia] gi [pergi] sekolah [sekolah] jugok [juga]. Dio [Dia] wat [buat] sistem srupo [seperti] di sekolah [sekolah] jugok [juga]. Kalu [Kalau] pukul 10, pukul 10 kena mari [datang]. Kito [Kita] nok [nak] 2 jam sari [sehari], 2 jam sari [sehari]. Alhamdulillah apabila kita buat sistem lagutu [macamtu], mudoh [mudah] pandai. Pastu [Lepastu] kita atur lah, srupo [seperti] anak-anak [anak-anak] ni, Syafiq ni, dia atur lah, hokni [yang ni] pandai ni kena main ni dulu, main ni dulu, main ni dulu. Biasa tengok doh [dah] gendang-gendang ni semua? Main gendang anak, gendang ibu, gedombak anak, gedombak ibu, geduk, gedombak, canang, gong apa. Jadi, kena atur situ, jadi kita kena kenal pasti situ dulu.

SN : Adakah ahli pemuzik encik terdiri daripada lelaki sahaja?

EAR : Ya, lelaki sahaja.

SN : Adakah encik mengasingkan ahli muzik encik kepada bahagian dan tugas masing-masing seperti, sesetengah bermain alat muzik lain manakala sesetengah lagi bermain alat muzik yang lain pula? Ataupun semua pekerja tu boleh main ikut je alat muzik yang mana.

EAR : Kita asing dulu, kita akan tengok kelayakan dia, kebolehan dia dulu. Sebab sesuatu muzik tradisional ni bukan kata - - contoh kita kata dia nak main gendang, gendang silat ni lah palu dengan kayu tu. Jadi kita kena buwi [bagi] dulu, palu ni dulu. Semua tu kalau 10 orang mari [datang], 10 orang ‘haa, mu main palu gendang ni’.. Jadi kita tengok lepas [selepas] palu gendang ni dulu, jadi kira biar sampai boleh. Macam pakcik ni boleh kenal ‘kamu boleh palu gendang, kamu boleh palu gendang’ (ambil buat pergerakan jari telunjuk)). Jadi, dalam 10 orang ni 3 ore [orang] boleh palu gendang, yang lain tu pilih muzik-muzik yang lain. Dulu la, selepas pada [daripada] tu, pandai satu-satu benda tu, pusing balik, ‘kamu pulok [pula] main yang ni, kamu pulok [pula] main yang ni’. Pakcik buat tu dalam masa setahun, satu tahun tu dalam seminggu dua kali. Haa tulah, jadi kalau 12 bulan 2 kali, biasanya 24 minggu ke lebih kure [kurang], dalam masa setahun pandai doh [dah]. Tu pun tok [tak] abih [habis] lagi, tapi pandai tu bulih [boleh] main. Bulih [boleh] main wayang kulit, bulih [boleh] duduk alik [di] belake [belakang] serta dengan tok dalang apa sekali. Jadi loni [sekarang] ketandusan tok dalang lah, cuma pakcik ada sore [seorang] lah tok dalang. Tok dalang ada sore [seorang] hok [yang]belajar lah tapi bulih [boleh] main doh [dah] la.

SN : Bolehkah encik nyatakan jenis alatan muzik yang wajib ada dalam persempahan wayang kulit?

EAR : Ada dah tulis situ? Hok [yang] tanda? ‘tulis je’ (Afiqah menjawab). Kalau nak tengok muzik, benda tu ada, alat-alat dia kalau nak tengok. ‘Tulis dulu takpe’ (afiqah mencelah). Tulis dulu pastu [lepas tu] tengok, ambik gambar. Geduk, gedombak, gong, gendang, canang, kesi, serunai. Ada berapa tu situ, tengok tu? ‘7’. (Afiqah menjawab). 7? Jadi betul lah, serunai je satu yang lain tu dia dua-dua [berpasangan] belaka sebab itu dia jadi 12. Geduk, dia ada geduk anak, geduk ibu, dia sepasang. Gendang srupo [seperti] gendang kecil [kecil], gendang besar, haa gitu [begitu] lah.

SN : **Bolehkah encik ceritakan jenis irama muzik yang biasa dimainkan dalam persembahan wayang kulit?**

EAR : Irama muzik dia, meme [memang] irama muzik ni nak cerita ni payoh [payah], (ketawa) kena dengar. Nak cerita irama ni, kalau nak royak [beritahu] lagu-lagu dia tu pun, dia boleh kalau setakat nok [nak] royak [beritahu] lagu tu. *Lagu Halman,*

(bunyi lori)

lagu *Pak Dogol*, lagu *Sri Rama*, lagu *Laksamana*, Lagu *Batomaharajawana*. Dia ada semua lagu belaka tu. Banyak lagi, dia ada 15 lagu, 15 lagu wayang kulit. Dimainkan 15 lagu wayang kulit. Kalau lah katakan dalam satu tahun tu tak habis lagi kalau tidak cerdik [mahir] dengar, tak pandai lagi bukan nak habis sampai 3 4 tahun lah. Takdak-takdak [Paling tidak] 3 tahun, 3 tahun tu lah bulih [boleh]. Bermakna 3 tahun tu kita ambik [ambil]] dalam seminggu tu ambik 3 hari jah [sahaja]. Dalam masa 3 tahun baru bulih [boleh] pandai. Kalu [Kalau] ambik [ambil] seminggu sekali, 3 tahun pun tak pandai lagi. Kure-kure [Sekurangnya] dale [dalam] 6 bule [bulan] tu pun tak pandai lagi. Meme-meme [Sememangnya], buke [bukan] susoh [susah], sebenarnya dia seni tadi lah. Dia susah sebab dia tidak srupo [seperti] main gitar. Tidak srupo [seperti] main gitar.

Srupo [seperti] anak pakcik 2 ore [orang] tu, kalau [kalau] hoktu [yang tu] dia amik [ambil] muzik. Memanglah dia boleh dikatakan, bagi pakcik lah, bagi pakcik, pakcik iktiraf dia boleh pakar dah dalam bidang muzik sedangkan dia duduk di UPSI ni pun, guru-guru muzik dia tu pun, sampaikan suka lah tahu dia. Sekarang ni dia duk buat *audisen* ko [dekat] budok-budok [budak-budak] hok [yang] baru-baru pastu dia duk kata, duk hantar video. Dia duk kata ‘teruk duk ajar budak-budak’. Dia ambik [ambil] hok [yang] moden *drum*, kalau tradisional ni semua peralatan wayang kulit lah dia pandai belako [belaka]. Serunai hingga ke permainan geduk, gendang, gedombak. Lagu-lagu gapo [apa] pun dia tahu, dia boleh mengajar pulok [pula].

NH : Boleh tak saya nak tahu kos untuk setiap alatan muzik tersebut?

EAR : Harga dia gendang tu RM500 satu, kalau geduk serupa sama dengan gendang RM500, kalau gendang dua biji, kalau Serunai RM500, atau RM400 macam tu. Gedombak, RM400 sebiji, dua biji RM800, kos dia tu apa tu sangat, tu tahun dulu, masa tahun pakcik, dekat 10 tahun dulu, 10 tahun 20 tahun dulu lah, sekarang wallahualam.

NH : Jadi untuk beli alat muzik tu, memang duit sendiri ataupun duit tajaan daripada kerajaan ke atau pun mana mana parti lah?

EAR : Takda

NH : Diantara kesemua alat muzik tersebut, ada tak alat muzik yang paling senang pak cik nak dapat?

EAR : Paling senang - canang?

NH : Apakah alat muzik yang paling sukar untuk encik perolehi?

EAR : Kalau dulu Serunai, sekarang loni [sekarang] dio [dia] doh [dah] ado [ada], ado [ada] apa tu, supo [serupa] kilang buat Serunai.

NH : Agak agak berapa lama untuk setiap seseorang tu mahir bermain alat muzik tersebut?

EAR : Untuk mahir, 3 tahun untuk boleh, boleh main untuk 3 tahun, 3 tahun belajar, kalu [kalau] diorang kata belajar setahun pandai dah, boleh kata, tak tahu lah tipu ke apa.

NH : Adakah encik memberikan latihan asas dahulu untuk ahli muzik untuk persembahan wayang kulit?

EAR : Latihan asas dulu, setiap anak murid nak belajar wayang kulit- bermain wayang kulit kena belajar asas tu dulu, pertama kena tengok kepakaran, lepastu kita bagi dia bermain. Dia tengok dia tahulah, Ouh mace [macam] ni waye kulit [wayang kulit]. Jadi baru dio [dia] boleh tanya - apa Geduk ni buak [buat] macam mana, kalau dia tak tahu, dia nak tanyo [tanya] macam mana, ada satu tu pelancong, pelancong meme [memang] tak tahu. Tapi pemandu pelancong tu tak tahu jugok [juga], tanya biasa dio [dia] tengok wayang kulit? Tak biasa tengok, tak tahu. Lepastu macam mana? Dia nok royak lagu mano [nak bagitahu macam mana], dia tu pun tak biasa tengok, jadi macam mana pemandu pelancong? Dia cari *tourism* hok [yang] Kelantan, tak pandai tak rajin tengok. Sene nok mitok kerjo [senang nak minta kerja] jadi pemandu pelancong, maroh [marah] orang putih dari Us – Belanda, mari hok Belanda ni [datang yang Belanda ni] nok [nak] tengok wayang kulit. Jadi dio nok royak [jadi dia nak bagitahu] nok tengok, boleh royak lah dio nya [boleh bagitahulah dia tu] *translate* pulok [pula] tokleh [tak boleh] nok [nak] *translate*, tak tahu dio [dia] tak biaso [biasa] tengok wayang kulit, yang ni susoh [susah], sepatutnya ore Kelate ni [orang Kelantan] tak biaso [biasa] main, tu cite [cerita] lain . Tapi kono [kena] – tahu setidaknya, loni [sekarang] nak tahu, mudah dok? [kan], tekey [tekan] kesenian warise [warisan] Kelantan, tengoklah situ. Ouh laguni [begini] main waye [wayang] kulit. Nih apo nyo [apa nya] gini gini [macam ni macam ni].

NH : Tadi Encik ada mengatakan, pelancong pun dapat tengok latihan asas tu, alatan muzik tu kan? Boleh tak saya nak tahu, Encik bagi tak latihan juga tu kepada mereka untuk bermain?

EAR : Tiada, diorang [mereka] bukan untuk main tengok belajar main wayang kulit, diorang [mereka] mari [datang] tengok nak tahu kesenian, apo [apa] ni kesenian untuk menjaga kesenian ni supo pok cik [sama seperti pak cik] untuk menjaga kesenian situ jah [begitu je] diorang [mereka] datang tengok, diorang [mereka] suko [suka] lah pelancong, Rasa kalau tidak sampai 5 ke 6 negara, dekat dekat semua negara boleh main, tu dia, dia ngunde [ngundang] negara luor [luar] panggil kesenian pak cik untuk main, grup pak cik lah untuk main selama sebulan di Paris, 12 hari, Amsterdam dekat sebule jugok [sebulan juga].

NH : **Berkaitan latihan asas alatan muzik, Encik ada kenakan bayaran kepada mereka?**

EAR : Dak [tak], Tak kena. (Mengangguk)

NH : **Bolehkah encik kongsikan sedikit jenis latihan apa yang paling penting untuk persembahan wayang kulit, keserasian irama atau muzik yang bagaimana?**

EAR : Jadi setiap pemain, kita akan ajar -- masa main sampai tepat pada waktunya, masa main, jadi kalau awok [awak] belajar A, kena A je [sahaja] tahu. Kalau belajar B kena B je [sahaja] tahu, tak boleh campur B+ ke gapo [apa] ke, jadi mudah. Kalau dia belajar A. Dia tak boleh kata eh B, Tak kena mu [kau] B. Jadi hok [kalau] bide [bidang] tu dio [dia] main Geduk, Geduk je [sahaja] dio [dia] kena tahu, macam mana Geduk ni, bunyi macam mana, nok [nak] berhenti mana, semuo [semua] gedombak pun lagu [macam] tu. Huh lepasni kita pergi tengok, peralatan ada di sini.

NH : Macam yang encik katakan tadi, setiap seorang akan bermain alat muzik yang berbeza bukan? Kalau main Geduk, dia main Geduk, kalau dia main Serunai, dia main Serunai. Jadi encik asingkan mereka berdasarkan kepakaran mereka sendiri ataupun minat mereka?

EAR : - Kita kepakare [kepakaran] dio [dia]. - Awak mahir main Geduk, awak mahir main Serunai, jadi kita asing lagu tu [seperti itu]. Sebenarnya yang lain—tu pandai jugok [juga] tapi terpilih kepakare [kepakaran] tu, pakar. Awok [awak] lebih mahir

NH : Adakah muzik tradisional wayang kulit ini pernah dimodenkan seperti penggunaan alat muzik yang moden atau irama moden?

EAR : Takda [tiada] tradisional sebab dia, tradisional tak boleh dimodenkan. Jadi kalau nok [nak] buat campure [campuran], Kombinasi - - yang moden dengan tradisional, boleh ta-pi menghilangkan tradisional.

NH : Adakah anak-anak encik sendiri terlibat tentang seni muzik wayang kulit ini, ataupun ada yang terlibat dengan bidang seni lain?

EAR : Boleh kata tak adalah.

NH : Diantara kesemua anak-anak encik, yang manakah encik rasa dia mempunyai bakat yang paling besar dalam bidang seni muzik wayang kulit ini?

EAR : Yang bongsu, Nama Irshad Abdul Rahman.

NH : Encik memang terapkan ilmu seni muzik wayang kulit ini kepada dia ataupun dia sendiri yang tawarkan diri tunjuk minat dia pada encik?

EAR : Dia sendiri, sebab dari kecik [kecil] lagi, masa dia sekolah lagi -- darjah 3 darjah 2 darjah 3 tu [itu]. Dia - - pak cik duk [duduk] sibuk dengan tradisional ni, habis kerja dia pergi main. Malam balik. Jadi dia duk [duduk] tengok lah. Kalau dia tak sekolah, jadi dia tengok ni. Dia cuba try main. Bawak balik dumoh [rumah] bare [barang]. Dia main lah. Satu hari tu, pak cik dengar dia main, masatu [ketika itu] dia, tak silap pak cik, darjah 3.

(Bunyi lori)

NH : Adakah Irshad seorang sahaja yang diberikan pendedahan berkaitan seni bidang wayang kulit ini?

EAR : Tidak, Pak cik ada 3 anak lelaki, 2 perempuan. Jadi tiga ni, semua kita bagi pendedahan. Malah, anak perempuan sore [sorang]. Dia bulih [boleh] masa dia di universiti pun dia jadi juara dikir barat, sekarang dia mengajar di Terengganu. Jadi yang sulong ni, anak enam orang dah sekarang tapi dia buat lagi kesenian, dia seperti boleh menyanyi lagu lagu barat malah dia latih budak budak. Jadi hok [yang] jate [jantan] semua boleh main wayang kulit.

NH : Adakah encik sudah mempunyai pewaris di antara anak-anak encik yang akan mewarisi seni muzik wayang kulit ini di masa akan datang ?

EAR : Yelah - - anak anak akan mewarisi.

NH : Sekiranya legasi wayang kulit encik ini diturunkan kepada anak encik, siapakah anak encik yang dipilih?

EAR : Irshad.

NH : Mengapa encik memilih anak encik yang tersebut untuk meneruskan legasi muzik wayang kulit ini?

EAR : Pasai [pasal] dia lebih pandai, kelebihan. Dia pandai dia tahu, lebih dialah. Walaupun yang tadi tu, abang dia Faris yang di Penang pun boleh, Dia ada satu kemahiran, Syafiq ni satu kemahiran, Irshad ni semua kemahiran dia boleh main.

NH : Andai kata, anak encik tidak mahu meneruskan legasi wayang kulit encik ini, adakah encik sanggup menjualnya kepada orang luar?

EAR : Yang lain lain ada.

NH : Kalau tak silap saya, encik ada mengatakan bahawa encik ada 7 orang adik beradik termasuk encik. Jadi ada tak diantara keenam enam adik beradik encik mempunyai minat seperti encik?

EAR : Tiada.

NH : Diantara kesemua ahli encik, boleh encik kongsikan siapa diantara mereka yang mempunyai kemahiran muzik wayang kulit sehebat encik. Selain daripada Irshad?

EAR : Selain daripada Irshad? Syafiq lah. (Bunyi kucing) Syafiq ni dia ada *band*, dia sendiri, dia buat dengan Irshad. Dia boleh main gitar.

NH : Diantara kesemua ahli encik, boleh encik kongsikan siapa diantara mereka yang mempunyai kemahiran muzik wayang kulit sehebat encik?

EAR : Selain daripada Irshad? Syafiq lah.

NH : Adakah encik mempunyai rakan yang sama-sama terlibat dengan seni muzik wayang kulit ini?

EAR : Ada, empat orang. Tapi diorang [mereka] ni, dia - - minat sebentar. Lepastu dia - - minat sebentar.

NH : Boleh encik kongsikan nama rakan encik tersebut?

EAR : -- Boleh, nama dia Amin. Muhammad Amin Abdullah.

NH : Ada tak kenalan encik yang sangat hebat sehingga encik mengidolakan beliau dalam bidang wayang kulit ini?

EAR : Tiada, sebab wayang kulit ni buke [bukan] supo [serupa] penyanyi. Kalau penyanyi solo solo, kita boleh mengidolakan. Wayang kulit ini payah sikit, dia *grup*. Jadi setiap *grup* ada kelebihan.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PERSEMBAHAN SENI MUZIK TRADISIONAL WAYANG KULIT

NH : **Seterusnya, kita beralih pada persembahan wayang kulit, bolehkan encik ceritakan apa itu wayang kulit?**

EAR : Macam mano nok royak [mana nak cakap] sebab soalan ini pengetahuan, pengetahuan wayang kulit ini, tradisi. Tahu lagu tu je [macam itu sahaja] tahu lagu mano lagi [macam mana lagi]. Kita ni benda tradisi ni, bukan kata diwajibkan nak main. Tak rajin [selalu] main pun tak apa. Tapi nok [nak] mengekalkan benda nenek moyang kito [kita] jago [jaga], supo [serupa] Sabah Sarawak, puok puok [puak-puak] iban, Kadazan jaga dia tu, cara dia buak [buat] mengekalkan tradisi nenek moyang dia, hok [yang] kita ni nak mengekalkan tradisi nenek moyang kita sebab ni bangsa, bangsa Melayu. Nama isley [islam] permainan ni bukey [bukan] tradisi main Wayang Kulit, Dikir Barat, Silat. Hok [yang] tu hok [yang] asal belako [semua] tu, Mak Yong, main Puteri. Main Puteri ni, dia bersangkut paut dengan kurafat. Tu sebab pak cik tak terus. Walaupun kita tahu, wayang kulit ni tak ada jenis kurafat, sebab kita main *puppet*, main patung.

NH : **Bolehkah encik ceritakan juga apakah keistimewaan seni wayang kulit ini?**

EAR : Keistimewaan – dia ni tak ada dalam, contoh kita kata, time kita kata keistimewaan dia, nak kata apa keistimewaan dia. Dulu wayang gambar,tak ada dah wayang gambar apa pun tak ada dah, dengan televisyen wayang gambar masuk ke rumoh [rumah]. Jadi wayang kulit ni. Istimewanya dia tak boleh main rumah. Dia kena main di tempat, kena buat pasar, Cuma kena buat tempat khas untuk dia, sekarang tu keistimewaan dia, kesenian dia lah. Main dengan batang pise [pisang] lah. Peralatan trdisional lah. Itulah kestimatean dia lah, sebab kita nak panggil istimewa, istimewa sebenarnya tak kekal, supo [serupa] penyayi. Idola sebentar, tahun depe [depan] orang lain pulak. Tak kekal. Memey [memang] kita lah lama lama makin tua, supo [serupa] pak cik lah main dari awal, dari kecil mudo [muda] lagi, dari belum kahwin main, sehingga Alhamdulillah pah [sampai] kali ni pun kekal. Tak berubah wajah dia, walaupun dia – kita kata ‘Ah duk main’ mace mace [macam macam] lah, pandange [pandangan] serong memey [memang] banyak [banyak], Hok [yang] pandang serong tu tak pandai main, bual dengan pak cik, gapo [apa] ni kelebihan wayang kulit, keistimewaan dia, supo [serupa] katakanlah pak cik ni tidak [tidak] menceburi diri di dale [dalam] wayang kulit, apo [apa] pak cik nak berminat? Tak ada yang berminat, Doh [dah] kalau dia nak tengok TV, 10 tahun dulu, takpo [tak mengapa] lah 20 tahun dulu tengah tengok TV, suko [suka] tengok cerita. *Televisyen* pun sekarang, bagi pak cik ni. Dia memperbodohkan kita. Multimedia ni memperbodohkan kita, memperbodohkan jiwa masyarakat dengan rakyat. Dah kalau dia Multimedia, ulang hok [yang] tuler [sama]. 10 tahun dulu, main hok [yang]. Tak ke bodoh kita? Kita nak cari hibure [hiburan] dia tak ada beri manfaat. Pahtu [lepaslu] masuk dale [dalam] tu pun, radio pun bukey [bukan] beri manfaat. Langsung tak ada manfaat. Kalau duk [asyik] drama, hok [yang] ni duk [duduk] baloh [gaduh], hok [yang] ni tak kena, hok [yang] ni kaya, duk [duduk] gilo [gila] ke [kepada] ore [orang] ni, miskin lah. Tak ada manfaat. Bagi pak cik, kalau hok [yang] dulu. Takpo [tak mengapa] hok [yang] laguni [sebegini]. Daley [dalam] maso [masa] remaja ni. Tapi, loni [sekarang] tak boleh benornya [sebenarnya], dia kena balik ko [ke] asal, kena balik ko [ke] masa masa zamey [zaman] dulu.

NH : Encik ada tekankan bahawa TV dan juga Multimedia merupakan satu platform yang membawa keburukan, jadi boleh encik akui mengapa TV dan multimedia itu mengapa merupakan halangan encik memperbesarkan seni muzik wayang kulit? Adakah encik rasa ianya satu halangan ataupun implikasi kepada encik untuk mengembangkan seni muzik wayang kulit ini?

EAR : - Ada. Biar generasi baru ni balik, balik ingat buang masa ini (berlakon menaip telefon) main *game* lah, apa lah. Sikit sangat, kalau *percent*, berapa *percent*? Mungkin dua *percent* dari lapan *percent*. *Out*. Tak membawa kepada manfaat.

NH : Jadi encik rasa lebih baik persembahan wayang kulit itu dimainkan secara bersemuka berbanding ditayangkan di televisyen?

EAR : Tapi tidak kalau ditayangkan bersemuka, kalau nak ditayangkan dulu. -- tak ingat tahun berapo [berapa] tapi ada, ada satu program main di daley [dalam] televisyen. Masa hitey [hitam] putih dulu ada main. Jadi setiap minggu ada permainan wayang kulit. Kalau dua tiga tu sebelum TV kala tu, lama doh [dah] tahun 80. Tapi sekarang loni [sekarang] tak ada lah. Sepatutnya, hok [yang] Multimedia ni kena pikir [fikir]. Kalu [kalau] nok [nak] harapkan Pok Menteri ke apa ke. Pok Menteri takkan fikir benda ni, jadi Multimedia ni kena fikir apo [apa]. Tapi nok [nak] fikir macam mana, kalau takda keuntunge [keuntungan] bagi dia. Bagi dia ni, satu bisnes, satu perniagaan. Kalu [kalau] aku tunjuk go [yang] ni, kalu [kalau] ibaratnya mu [kau] toksey [tak nak] beli, - tu toksoh [tak payah] tunjuk terus. pak cik duduk sebule [sebulan] di negara di US. pak cik boleh tahu, tengok. Walaupun dengan US dengan Paris dengan Perancis, beza cara *knowledge* dia lain, pertama contoh di US, di US ni, di Paris. pak cik tanya hok [yang] tanya ore [orang] kedutaan Paris. pak cik ingat lagi, kenapo

[kenapa] orang Perancis ni tak suko [suka] lah bawok [bawa] kereto [kereta] sendiri, asyik guna perkhidmatan awe [awam]. Dia kata ‘kenapa kita nak bawak kereta sendiri?’ soal balik. ‘Untuk apa kita bawak keto [kereta] sendiri?’, eh kito [kita] kata ‘Eh untong [untung] lah bawa kereta sendiri, mudoh [mudah]’ ‘Apo [apa] untung dio [dia]? - - *Parking* kena – bayar, drebar [pemandu] kena bayar. Kita nak pi [pergi] bayar bil api je contohnya, jadi berapo [berapa] habis?’ dia kato [kata], jadi kita naik kenderaan awe [awam] ni, mungkin dia train ke bas ke, pakai elektrik, naik tu mungkin kena bayar berapa euro, mungkin dua tiga euro naik atas [atas] bas, bayar bil api siap, naik balik, seney [senang]. Jadi beza, kalau di US Ini dia jenis - - jenis mementingkan kebersihan, negara lain pun bersih juga, kalau kita di *train*, naik *train* di Paris. Walaupun kita naik *train*, diorang [mereka] baca, baca buku. Bukan main tengok gajet [telefon], tak gajet [telefon]. Diorang [mereka] senyap je, kecek [cakap] dengan saing saing [rakan rakan] dio [dia]. Kalau yang buta ni, dia bawa anjing. Anjing tu jadi drebar [pemandu] jadi pandu naik *train*. Dia nak *train* tu, bunyi dia royak [cakap], anjing dia tu pahey [faham]. Jadi apabila dia royak [cakap] sampai destinasi, dia royak [cakap]. Mungkin dia gerak anjing dia, bagitahu. Jadi anjing dia bangun terus bawa tubik [keluar] orang buta tu jalan. Tak dak [tiada] orang tahu. Jadi kita nak mencapai negara maju, jauh sekali, sohkan [sahkan] hok [yang] tradisional ni. Tradisional ni supo [serupa] hok [yang] pak cik ada di Indonesia, Indonesia ni dio [dia] jago [jaga] semua. Di Pulau Bali.

NH : **Pernahkah encik membuat persembahan wayang kulit yang besar di sekitar negeri Kelantan?**

EAR : Ouh tentulah, di Kelantan ni memang baru lah, kerajaan negeri Kelantan. Lepastu sebelum pilihan raya, adalah buat persembahan. Apabila kita, pada pak cik bila terkenal ni, jadi hok [yang] kampung kampung ni kenal. Tapi Ioni [sekarang] diorang [mereka] takut nok [nak] undang. Diorang [mereka] takut mahal, padahal semalam semalam seribu jah [sahaja]. Kalau nak royak [cakap] dengan hok [yang] orang putih bayar, duta mari di tapak pak cik, duta German dengan duta Paris, sibuk habis dengan polis polis di Kelantan. Dia kata ‘Betul, kita nak naik tempat awok [awak]’ saya tak tahu pun awok [awak] nok [nak] mari [datang] sini. ‘Saya angkat hantar polis polis, mari [datang] nok [nak] tengok tempat awak.’

NH : **Pernahkan encik membuat persembahan luar dari negeri Kelantan? sila nyatakan.**

EAR : Ah, pernah. Johor pernah, Selangor pernah. Melaka je dok [tak] pergi lagi, Kedah pernah. Setiap universiti tu memang ada panggil, situ di UiTM pun ada mari [datang] dah, 2 3 tahun lepas. Jadi setiap tempatlah.

NH : **Jadi kiranya, kalau encik dijemput untuk buat persembahan di luar negeri Kelantan, macam Johor, Selangor dan Kedah semua tu. Adakah encik buat persembahan di universiti ataupun di tempat tempat umum?**

EAR : Tempat umum lah.

NH : Sekiranya encik masih ingat, pernahkah encik membuat persembahan wayang kulit di peringkat antarabangsa?

EAR : Pernah.

NH : Dimana persembahan itu diadakan?

EAR : Paris, USA dan banyak lagi.

NH : Agak agak pada tahun berapa persembahan itu dilakukan?

EAR : Pak cik royak [cakap] dah tadi, tahun berapa - - 2016, 2 tahun selepas itu pergi ke US, 2006 di Paris. Lupo [lupa] dah. Tengok di gambar gambar kat sana, Semua duduk di Irshad, dia tahu, dia pandai belako [semua] *Instagram*, dia tu keadaan sibuk, apabila pensyarah dia dalam U [universiti] tu pinje [pinjam] U [universiti] ni pinje [pinjam] alatan tradisional, nak nak peringkat universiti, di setiap peringkat universiti dalam Malaysia ni, kesenian ni tak ada, tak ada orang pandai, mungkin tak ada tenaga pengajar.

NH : Encik buat persembahan dekat luar negara tu dapat tajaan penerbangan dari pihak kerajaan lah kan?

EAR : Dak [tak], Macam ni, diorang [mereka] tu mari [datang] beli kesenian kita.(Mengangguk) jadi dio [dia] lah bayar, dia tanggung lah A sampai Z.

NH : Untuk buat persembahan, adakah setiap persembahan yang encik pernah pergi, ada juga persembahan wayang kulit dari negara lain?

EAR : Sekali tu takdak [tiada] dari Indonesia, dari Thailand, dari Burma, dari Cambodia, semua wayang kulit ada. Jepun dia ada, Iraq ada, Iran, Arab Saudi ada wayang kulit. Tengok di muzium, muzium Paris. Di - - US ada gambar gambar saya wayang kulit, dari Indonesia dari Turki, semua negara ada. Tapi cara permainan dia tu, tak samalah. Dia lain.

NH : Memandangkan encik kata persembahan wayang kulit tersebut tak sama dengan seni muzik wayang kulit di Malaysia, bolehkah encik kongsikan apa yang perbezaan mereka tersebut?

EAR : Dari segi pak cik tengok situ, dari segi wayang kulit itu sendiri, dia besar, besar besar. Kita ni kecil [kecil], dia punya besar. Tak sama lah.

NH : Adakah teknik dan irama muzik mereka juga berbeza?

EAR : Encik Abdul Rahman: Tahu tak sama? Sebab kesenian kita memang tak sama, Kelantan main, nak nak permainan wayang kulit ini tak sama, kecek [cakap] pun tak sama. Pak cik tak tengok lagi, tapi cuba tengok hok [yang] dalam tv tu, permainan wayang kulit Jepun. Jepun ada wayang kulit dia. Tak sama. Semua segi lah. Wayang dia dah tak sama dah, semua muzik dia memang tak sama. Mugo [cuma] dia tak ada Geduk apa semua lah.

NH : Apakah kesukaran yang selalu dihadapi ketika membuat persembahan tersebut?

EAR : Kesukare [kesukaran] – musim huje [hujan], tiada tempat nak main tempat tertutup, kalau main di dewan tu tak apa huje [hujan] pun.

NH : Kiranya, kalau nak buat persembahan wayang kulit, pastikan tempat persembahan tu tertutup lah kan?

EAR : Tertutup.

NH : Boleh tak encik kongsikan sedikit pandangan serong tersebut seperti tomahan ke ataupun encik dipulakan dengan rakan rakan ke?

EAR : Cuma pandangan serong diorang [mereka] ni, sebenarnya pandangan serong ni, apabila dia tidak tak minat. Dia tak berminat, dia akan pandang serong. Contoh kita kata, supo [serupa] pak cik duk main Kertuk. Kertuk tahu Kertuk? Dia kayu sahajo [sahaja] jadi pak cik ni duk [duduk] main Kertuk, budak lah. Zamey [zaman] budak budak dulu, kato [kata] ‘Olohlah, main paluh [pukul] gapo [apa]’ daley [dalam] Kelate [Kelantan] ‘Main gapo [apa] duk [duduk] main kayu burok, takda faedah’ – tu pandangan serong lah tu, tak tahu. Dia sepatutnya, orang putih mari [datang] dia sepatutnya mari [datang] untuk gapo [apa] boleh buat lagu ko [ke] Kertuk ni, Supo [serupa] benda benda gitu [begitu] dia cari. Walaupun dia, negara dia ado [ada] hok [yang] jenis paluh kayu. Tempat kita ni pun, Kertuk pun dengar bunyi muzik tahu se [satu] lagu. Irama banyak, buat irama. Dia dekat tu, tradisi dulu tu memey [memang] dekat dengan lagu lagu wayang kulit. Lagu [serupa] Kertuk ni.

NH : Agak-agaknya sudah berapa banyak persembahan yang telah encik lakukan sepanjang terlibat dalam bidang seni wayang kulit ini?

EAR : Tak boleh ingat, sebab kalau - dulu ada juga pak cik kumpul bunga telur, kumpul bunga, sampai penuh. Tapi sebab bukey [bukan] wayang kulit sajo [sahaja], ada buat majlis kahwin, wayang kulit male [malam] majlis kahwin siang hari. Hok [yang] ada ore ore [orang orang] seangkatan dengan pak cik tu lah. Jadi dia teringatlah saing [rakan] sahabat yang suruh main, aku nok [nak] nikoh [kahwin], anok [anak] aku contoh. Tengahari mu [kau] silat, male [malam]. Dio [dia] mengembalikan nostalgia, serupo [serupa] lah, tapi budok [budak] leni [sekarang] tak berminat lah, supo [serupa] dok [tak] tahulah, nok [nak] kata, dio [dia] suko [suka] ko [pada] gapo [apa] ?. Jadi generasi baru ni lah, contohnya, 20 *an* 30 *an*. Tak berminat, sebab mungkin dia napok [nampak] dia tak berminat sebab tak ada mata pencarian, bagi dia belajar main wayang kulit pun, nak pergi ke mana? Nak jual, katakanlah kalau bulih [boleh] sijil pun, sijil tu tak laku. - tak berminat sebab sibuk duk main talipon [telefon] itu yang buat tak berminat tu, melepok [melepak], tak ada nok [nak] main gapo [apa], siang hari main bola, bola sepak, kalau ore [orang] tine [perempuan] main bola tampar, main main penuh orang main, serabut, nok [nak] royak [cakap] cara main lagu [macam] tu, pertama mesti saing [kawan] ada, *exercise* dio [dia] tu. Main bola katok [pukul], kelik [balik] male [malam] peluh, mandi mandi gi [pergi] ke lain dulu, pah [lepas] ngaji Quran, pergi wayang kulit pula male [malam] tu. Jadi tu lah kijo [kerja] ada yang kelik [balik] tidur, pagi esok gi [pergi] sekolah. Kita ngantuk [mengantuk] pergi juga, tapi lenim [sekarang] budok [budak] lepok [lepak] banyak, jadi kito [kita] tubik [keluar] ‘Eh, mu [kau] duk [duduk] mana?’, ‘Haa duk [duduk] keda [kedai], mari [datang] ah’ ‘Ah, aku tak ada motor, mari [datang] ambil ah’, dio [dia] mari [datang] ambil. pak cik tahulah sejak 35 tahun jadi drebar [pemandu] ambulan, takda sore [sorang] habuk pun bangsa lain – mati, *accident*, mati bangsa melayu belaka [semua], tubik [keluar] pukul 1 male [malam] 12 male [malam], mati *accident*, apo [apa] faedah ni? Takda satu faedah, hancur bangsa Melayu, tapi nak harapkan siapa? Kena harapkan diri sendiri lah. *Knowledge* kena ada, sabik

[libat] anak anak pak cik tak merokok, tak tubik [keluar] jaley [jalan]. Tapi dia 3 beradik duk [duduk] berebut dengan kakak sulung masuk universiti dulu, jadi idola dio [dia] lah, dari 3 beradik, sore [sorang] jelah, boleh kata *OKU* [orang kurang upaya] lah tapi dia pandai masak, ore [orang] tine [perempuan]. Apabila ada hok [yang] sulung masuk universiti boleh bui [beri] nasihat, jadi ngikut [ikut] ah, nak habiskan *degree*, nak habiskan gapo [apa] ambil lah, hok [yang] ni ada kata nak ngaji lagi sampai habis, jadi doktor falsafah ko [ke] gapo [apa] nama. Irshad tu boleh jadi pensyarah tak ada calon lain, dia sore [sorang] je calon, Nak royak [cakap] payah nak ada calon, payah nak cari seni setiap universiti.

- NH : Untuk seseorang itu nak dapatkan bantuan encik membuat persembahan kepada mereka, bagaimana encik mempromosikan seni itu kepada mereka. Adakah melalui page *Instagram* Seni Warisan Machang Kelantan itu?
- EAR : Dulu ke sekarang? ‘sekarang pun boleh’ (saya mencelah) Pasal benda tu baru lagi tu, - masa *Instagram* gapo gapo tu [apa apa] melalui *Instagram* tu. ‘kalau dulu?’ (Saya mencelah) Kalau dulu, kita war warkan cara main untuk - lama dulu, setiap tahun dia ada permainan wayang kulit ini di bandar bandar, di Machang di Kuala Krai, di Bachok di Ketereh. Dia ada, jadi kita war warkan. Itu yang kita promosinya. Dari dulu, kalau [kalau] radio ada, tak royak [cakap] malam ni – malam esok ada persembahan wayang kulit kampung ni, kampung tu. Jadi dia tahu melalui setiap kampung tu ada wayang kulit. Dia menggantikan wayang gambar. Malah wayang gambar ni pun diambil dari wayang kulit. Cerita ‘*Charlie Chaplin*’ tak ada suara, Dia tak pandai, dia cuma tunjuk gambar sahaja. Supo [serupa] wayang kulit tak ada suara, Tapi tok dalang tu main peranan. Mungkin dia tiru sedikit.

NH : Selain daripada *Instagram*, boleh tak saya nak tahu, encik ada galeri ke?

EAR : - Anak anak ada, Galeri tu - kita ada studio. Studio tu anak anak main muzik moden, bukan tradisional. Jadi ada gambar gambar kartun yang mereka minat.

NH : Pernahkah encik berkolaborasi dengan mana-mana dalang wayang kulit yang lain untuk membuat persembahan?

EAR : Tak ada.

NH : Pernahkah encik memenangi pertandingan wayang kulit?

EAR : Tak ada pertandingan wayang kulit, seni ni tak ada bertanding.

NH : Berapakah keuntungan yang encik perolehi ketika membuat persembahan wayang kulit?

EAR : RM1000

NH : Setiap kali encik melakukan persembahan wayang kulit, apakah persediaan paling penting encik terapkan?

EAR : Persediaan - setiap kali wajib, goni [yang] kena bawa, goni [yang] ni kena ada, jadi hok [yang] kecik kecik ni bawak ah, sebab penting, takut tertinggal

barang lah, sebab bawa dengan kereta dengan *van*, dua butir [buah] je, *system* gapo gapo [apa apa].

NH : **Kebiasaan mereka berapakah ahli yang terlibat dalam persembahan wayang kulit?**

EAR : Dia bulih [boleh] 8 ore [orang].

NH : **Boleh saya tahu peranan siapa yang paling penting ketika melakukan persembahan wayang kulit?**

EAR : Setiap wayang kulit, dia tak ada hok [yang] ni penting, semua tu penting, jadi dalam 8 orang tu semua penting, kena kata ‘Eh mu [kau] penting, mu [kau] penting, tidak’ setiap 8 orang kena cukup, yang cukup tu memang penting semua, jangan kata ‘Mu [kau] ni penyanyi, mu [kau] penyair’.

NH : **Untuk buat persembahan, adakah encik cuma mengambil ahli yang hebat dan berpengalaman sahaja?**

EAR : Tidak. Kiranya kalau tak silap saya, ahli paling muda encik yang SPM juga diambil turut serta membuat persembahan?’ (saya mencelah) Kita ajar, kita asuh. Kita takkan pilih yang pandai main sahaja.

NH : Berapakah harga yang encik tetapkan untuk setiap persembahan yang encik pernah lakukan?

EAR : Itu bergantung kepada mereka punya budi bicara.

NH : Boleh saya tahu, kebiasaan persembahan wayang kulit ini biasanya berapa lama untuk satu persembahan?

EAR : Satu persembahan biasanya kalau *start* pukul 8 atau 9, pukul 8 sampai 10, 1030. Biasanya pukul 8 diorang [mereka] tak *start* lagi sebab solat Isyak, jadi *start* pukul 9 sehingga pukul 12.

NH : Pada permulaan penglibatan seni muzik wayang kulit ini dahulu, boleh encik kongsikan jumlah kos awal untuk memulakan kegiatan ini?

EAR : Kos ni banyak, - - paling terbaru ada Dato ni telefon, dia nak tanya kos awal, pak cik kira kira RM30000, Ioni [sekarang]. Dulu mungkin adalah dalam RM20000. Dato dari Terengganu, dia telefon Syafiq mungkin dia nak buat kelas di mana mana tak tahu lah.

NH : Adakah permintaan persembahan wayang kulit di negeri luar lebih tinggi berbanding Kelantan?

EAR : Betul, sebab kos dia tinggi dah. Banyak negeri Kelantan, negeri luar ni jarang jarang lah. Kelantan ni banyak tapi negeri Kelantan ni dia ada banyak pasukan.

NH : Bagaimanakah encik mempromosikan kegiatan encik dalam bidang wayang kulit ini kepada orang awam di dalam dan luar negeri Kelantan?

EAR : Mungkin loni [sekarang] sebab nama bila kita taip nama Kesenian Warisan Pusaka ni, secara tak langsung bila taip jumpa Irshad.

NH : Pada pendapat encik, adakah anak muda di negeri Kelantan pada masa sekarang ini masih berminat dengan seni muzik wayang kulit?

EAR : Dia berminat sebenarnya tapi tiada dorongan, tiada orang nak mendorong, macam tadi orang selalu kata tak ada faedah main, besar nak kijo [kerja] gapo [apa], tiada faedah dah tua esok esok dah nikoh [nikah] ore [orang] Kelantan cakap, dok [tak] rok [larat] cari makan, baik belajar noreh [menoreh] dia tak tahu, satu hari dok [tak] cekak [larat] dokleh [tak boleh] gi [pergi] noreh [menoreh]. Dah tuo [tua] mana larat dah, seni ni walaupun kita tuo [tua] pun boleh main di sebalik tabir. Di balik tabir dah tua pun serupo [serupa] je pun, bukan nok [nak] tengok gapo [apa] pun, bukan nak tengok ore [orang] belako [semua], nak tengok seni dia.

NH : Pernahkah encik bercadang untuk mengadakan program untuk berkongsi pengetahuan tentang seni muzik wayang kulit kepada anak muda di sekitar negeri kelantan ini ?

EAR : Yang tu pernah nak buat program, nak panggil. Tapi kita - - kontra banyak yang tak setuju lah, tak ada faedah. Kita buat dengan sekelas dengan sekedai, tepek [tampal] siapa yang berminat nak buat dan belajar kesenian wayang kulit Kelantan di tapak seni ni. Tak ada, tak ada sambutan, nak belajar silat. Tak ada sambutan. Malah, bila kita pergi tengok di depan UiTM tu ada budak yang mari tepek [tampal] nak pergi kelas wayang kulit. Bila tanya, tak ada yang tahu budak ni nak belajar main wayang kulit, jadi kita boleh tahu orang akan kata ‘Hmm, benda tak ada faedah’, habis kita nak royak [cakap] lagu [bagaimana] mana, takkan nak bertekak dengan dia, jadi benda hok [yang] itu lah. Kalau ada yang cakap ‘Saya nak bayar awak untuk ajar anak saya main wayang kulit ni’, tapi pak cik cakap ‘Tapi saya di Kelantan’, ‘Laaa duduk Kelantan’. pak cik nak bagitahu, biasanya memang bangsa lain yang berminat dengan wayang kulit ni, bangsa kita sendiri memang payah nak berminat.

NH : **Pada pendapat encik, adakah seni wayang kulit ini akan berkekalan untuk masa yang lama di masa akan datang atau sebaliknya?**

EAR : Selagi kesenian warisan masih kekal, selagi kesenian warisan masih ada, ada kementerian lah kekal lah wayang kulit ni, tetapi penggiat ni. Takut suatu hari nanti, nak tengok wayang kulit kena pergi Kuala Lumpur masuk dalam galeri kena bayar RM100, RM200 baru boleh tengok, situ yang pak cik nampak.

NH : **Adakah encik berminat untuk meluaskan kemahiran encik ke negeri luar?**

EAR : Berminat kalau ada.

NH : Diantara kesemua negeri tu, negeri mana yang paling encik berminat nak luaskan kemahiran encik?

EAR : Kuala Lumpur lah, sebab fikiran dia terbuka sebab diorang [mereka], ibu bapa mengaji [belajar] pelajaran. Kalau anak berminat, okay dia lepas sebab kalau di Kelantan ni takkan biak [banyak] walaupun Kelantan di war warkan duduk situ, seni gapo [apa] nak tengok gapo [apa], nak tengok orang main wau, setahun sekali baru pergi main, nak tengok main sampai ke bendang, memang tak ada. Ada permainan tradisional gapo [apa] sampai orang tengok luar wau.

NH : Sepanjang encik menjalankan kegiatan ini, apakah pengalaman yang paling tidak dapat encik lupakan?

EAR : Pergi buat persembahan di luar negara lah. ‘Menyeronokkan?’ (saya mencelah) Menyeronokkan, duduk dalam sejuk lagu [macam] mana, tak dapat dicari, tak dapat dilupakan.

NH : Memandangkan encik mengatakan bahawa bidang seni muzik wayang kulit ini merupakan satu tradisi, adakah encik setuju jika saya mengatakan bahawa bidang ini tidak mempunyai persaingan?

EAR : Tak ada, semua sama sahaja, kalau jumpa pemain tu kita suko [suka] lah sebab sama sama hidup dalam kesenian. Takut nanti satu hari dia jadi hok [yang] tadi lah yang pak cik cakap tadi, ada je [sahaja] di Kuala Lumpur, serba serbi kena bayar, dia jadi keperluan supo [serupa] orang perlu tandas lah kan, berebut nak masuk tandas, perlu lah kan? Perlu jadi lagu [macam] tu, dok kira lah seriya [seringgit] ke memang kena bayar lah, jadi lagu [macam] tu.

- NH : Memandangkan encik masih setia dalam bidang muzik wayang kulit ini, boleh kongsikan tips dan usaha encik untuk bertahan dalam bidang ini selain dorongan keluarga, rakan rakan dan sebagainya.
- EAR : Jadi kalau sesiapa yang menggiat dalam seni ni, dia kena banyak sabar, sebab karenah yang pak cik punya grup ni kena sabar, malah karenah budak budak ni pun kena, budak budak pelajar pelajar ni, fuh karenah kena sabar, kena pandai baik, pakcik ni nasib baik lah, jadi saing [rakan] anak anak, jadi rapat dengan anak anak, jadi dorongan bila rapat, abah belako [semua] tak kira mudo [muda] tuo [tua].

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: ANUGERAH

- NH : Sebelum kita tamatkan temubual ini, boleh encik kongsikan kepada kami tentang anugerah pula. Apakah anugerah yang encik perolehi sepanjang menjalankan persesembahan wayang kulit ini?
- EAR : Anugerahnya - untuk pengendang tradisi pusaka Kelantan.
- NH : Apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah tersebut?
- EAR : Sukolah [sukalah] cuma sijil tu tak ambil lagi, pasal [sebab] sijil tu ada kat pejabat Kuala Lumpur.

NH : Adakah encik memiliki sijil yang banyak di rumah sekarang?

EAR : Sijil? Sijil hok [yang] seni? Tiada sebab ada kat Kuala Lumpur.

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: HARAPAN

NH : Sekarang kita berada di pengakhiran temubual, boleh encik kongsikan. Apakah harapan encik untuk masa hadapan berkaitan seni wayang kulit ini?

EAR : Harapan tu memang besarlah, kalau bulih [boleh] seni patut kena mempertahankan, kena pakat tolong [sama sama] jaga, kalau kita tak jaga seni, kita tak kemana, sesuatu bangsa tu kata kata hok [yang] pak cik ingat lagi, kata kata *Professor Emiratus* kata dia ‘Seni ni adalah bangsa sesuatu kaum’ nampak? ‘Seni adalah bangsa sesuatu kaum’. Mungkin orang dulu dulu tahulah, bermaknanya kena jaga lah, kena pakat [sama sama] jaga lah, kalau tidak pah [sampai] situ mungkin ke tangan orang lain, walaupun tak leh [boleh] gi [pergi] pun, kita kata ‘Takleh [tak boleh] gi [pergi] ke tangan orang lain dia kesenian orang negeri Kelantan kita’ tapi dah tak ada, tak ada. Supo [serupa] di Kuala Lumpur, kita nak pergi tengok boleh, tapi berbayar. Kita kena bayar berapo [berapa]? Seratu, dua ratus, rela sanggup bayar, sebab nak tengok seni, mungkin dia tengok seni supo [serupa] contoh kita tengok Mat Kilau, mana semangat Mat Kilau? Sebentar, pak cik cukup suka tengok sebab pak cik tahu semangat Mat Kilau sebentar, tak ada, sepatutnya semangat Mat Kilau tu terbawa bawa dalam bangsa Melayu, nak lawe [lawan] penajah rela mati, bukey [bukan] Mat Kilau sore [sorang] penduduk penduduk situ tengok cerita.

NH : Bagi pendapat encik, adakah ianya satu kerugian kepada seni warisan wayang kulit sekiranya terdapat sesetengah pihak memodenkan atau menambahbaikkan peraturan wayang kulit Melayu Tradisional itu kepada bentuk dan seni yang lebih moden?

EAR : Dia – moden benda hok [yang] seni, yang tidak moden. Bagi pak cik tak bagus mana tempat tak bagus, untuk kita nak tahu tujuan dan matlamat dia memodenkan, sabit [kena] hok [yang] dia buat - -, di Kota Bahru ada orang buat moden wayang kulit, *Star Wars* lah gapo [apa], pak cik gi [pergi] bincang dengan dia, *last last* sekali dia kata ‘Ginilah’(Encik Abdul Rahman bertanya pada isterinya)Haa, Pak Cikgu Daim dia panggil Abe Man, ‘Ginilah Abe Man, Abe Man buat hok [yang] tradisional saya buat yang moden’ ‘cikgu nak buat hok [yang] moden tu cikgu buatlah, bukan tak bagus, buatlah. Tapi setakat mana gapo [apa] yang cikgu nak? Ko [pada] pitih [duit]’, sebab yang moden tu main dengan *keyboard*, masuk muzik. Takleh [tak boleh] untuk gapo [apa] siapa nak tengok? Sebab kalau generasi baru ni tengok, ‘Eh laguni [macam ni] wayang kulit’. Dia tak boleh memodenkan tradisional sebab negara negara barat dia jaga molek [baik] tradisional diorang, dia takkan modenkan. kerajaan Malaysia kena tolong penggiat seni untuk bantu contoh dalam sebulan bui [beri] lah seratus sebule [sebulan]. Tak mampu ko [ke]? Kalau kerajaan Malaysia tak mampu nak pero [jaga] seni, kita tak minta tiga empat ratus, kita minta seratus je, yang umur 30, 40, 80 pun ada lagi, nanti lah tokoh seni, penggiat seni lah, buat gapo [apa]? Dia nak setidak tidaknya boleh beli rokok daun, bui [beri] lah sisa sisa umur, tapi biasa dah pak cik pun biasa dah kecek [cakap] dengan tokoh seni, *professor* di Kuala Lumpur, kecek [cakap] pasal ni kan, dia kecek ‘Betul betul’.

NH : Adakah generasi sekarang perlu didedahkan kepada seni warisan wayang kulit ini?

EAR : Perlu.

NH : Memandangkan sekarang merupakan zaman digital dan moden, pada pendapat encik sejauh manakah perkembangan wayang kulit yang bersifat tradisional ini dapat diterapkan diri anak-anak muda pada masa kini?

EAR : Bagi pak cik ni perlu diterapkan di sekolah, kalau terapkan di televisyen, budak tak tengok. Tanyalah televisyen duk [duduk] main wayang kulit 2-3 jam, budak memang takkan tengok, teraplah di sekolah, setiap pagi dia tengok, bagi tengok tak panjang pun masa 10 minit-20 minit, tradisi kita masuk sekali dengan bahasa jawi, bagi hidup mula bahasa jawi, mana ada sekolah pandai ada dok [tak] loni [sekarang] selit situ baru jati diri, baru Professor kata 'Kita kena ada jati diri' ni tak tahu gapo [apa] budak budak patutnya, budak sekolah darjah satu kena lancar baca rukun negara, biar lancar biar dia tahu, cuba bui [beri] pendedahan sikit, banyak muzik muzik dia pahe [faham]. Loni [sekarang] budak budak tak ada adab dah.

NH : Apakah cara yang terbaik untuk menerapkan seni wayang kulit ini ke dalam diri anak-anak muda sekarang?

EAR : Kita bermula pada di sekolah, hok [yang] pak cik royak [cakap] tadi, kalau ada cadangan kok [kat] lain, ikutlah. Hok [yang] boleh terap di sekolah, sebabnya biar di sekolah ada seni, biar di setiap sekolah ada cikgu seni, ada cikgu kesenian, jadi kita terap situ, baru hidup tradisional ni baru lekat baru tahan lama, kalau tak ada cikgu seni tak kan hidup lama-lama, mula mula 10 ore [orang] lepastu tak ada 2 ore [orang] 2 ore [orang], sebab loni [sekarang] memang ketandusan benar tak ada guru seni, minatnya kalau kita kira budak

budak ni, diorang memang minat. (Bunyi kucing) pak cik masa kecik dulu, masa terisi dengan seni, budak loni [sekarang] nak terisi dengan gapo [apa]? pak cik dulu terisi dengan main wau. (Bunyi notifikasi telefon) Budak loni [sekarang] nak suruh main wau? Ouh jauh sekali nak kenal wau. Lagu [macam] tu kita terapkan di sekolah lagi.

NH : **Apakah impian encik yang belum tercapai?**

EAR : Tiada lah, Cuma so [satu] sahaja, biar kerajaan menghargai penggiat seni. Tu je, biar cara mana pun, jangan setakat caro [peduli] bui [beri] *hamper* ke contohnya, bagi pitih [duit] setiap bulan, biarlah seratus sebule [sebulan] untuk mengenangkan jasa diorang [mereka] untuk seni.

NH : **Apakah akhir kata yang encik ingin sampaikan kepada golongan muda yang berminat untuk menerajui seni wayang kulit ini di masa akan datang?**

EAR : Dia – biar pertamanya kehidupan kita ni, setiap pemula ada berakhir. Permulaan biar duduk generasi muda ni cuba berdiri dalam seni, cuba ceburi diri dalam seni, jangan melangkaui agama, tak kira seni gapo [apa] pun baru generasi muda baru dia mikir [fikir] betul lah benda dia belajar dulu, berguna suatu hari, berguna pada mereka diri mereka satu hari, - itulah pesanan pak cik untuk generasi muda, sebab golongan lain akan masuk melalui bermacam macam sudut kedalam negara kita, nak nak bangsa kita, kesianlah bangsa Melayu kita ni, bangsa tumpahnya darah kita dah, bangsa lain mari [datang] kacau kita, habis lah. Itulah pesanan pak cik.

NH : **Bolehkah encik kongsikan sedikit kata kata positif kepada kami berdua untuk terus bersemangat seperti encik?**

EAR : Bagi pak cik ni ibarat kata kata kepada anak pak cik, kita ada ada idola kita ni ugama Islam kita, jangan terpesong daripada agama, hok [yang] paling mujarab sekali kata kata penutupnya sembahyang. Allahu Akbar, hok [yang] tu paling besar sekali, kalau sembahyang tak tinggal. Rasulullah pun pesan dah ‘Sembahyang lah yang akan bawa kita kesenangan dunia dan akhirat’ bukan setakat dunia sahaja sekali dengan akhirat, sebab penduduk di Kuala Lumpur tu 85 peratus tok [tak] sembahyang, ni bukan hok [yang] pak cik buat andaian tapi memang kajian puak puak [mereka mereka] yang tak sembahyang, jadi pah [sampai] tuhan nak tunjuk lagu [macam] mana? pak cik ada dua adik di Kuala Lumpur, adik ipar lah duk beli *flat* beli gapo [apa] *flat* luas ni je [sahaja] contoh kita kata, tanah kampung ada pahtu [selepas] baliklah mari [datang] duduk kampung, jangan kita lupa tempat tumpah darah kita, dinum [sana] pak cik duk [duduk] fikir kalau boleh cari sepuluh ribu bui [beri] [kat ore [orang] berapa ribu? Masuk perut kita berapa ribu? Sembahyang tak tahu mana, pukul 5 kena turun dah, kerja takut *jammed*, *jammed* pahtu [selepas] subuh tak tahu gane [macam mana] nak sembahyang atas kereta? Sampai dinum [sana] pukul 8 dah, sampai tempat koje [kerja] setiap hari lagu [macam] tu, sembahyang tu lagu [macam] mana? Benda wajib, tinggal tu kena qada’ malah sembahyang sunat pun, bukan kata tak sah bukan kata tak boleh pahala, tapi kena qada’ hok [yang] wajib hok [yang] sunat, mana buat dulu? Wajib qada’ semasa kita lagho [lalai] dulu, anak pak cik dulu memang lagho [lalai] dulu, bukan kata ke [kat] ore [orang] pak cik sendiri, hok [yang] tulah pesanan terakhir pak cik pada anak aak pak cik.

NH : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Abdul Rahman Bin Dollah yang merupakan seorang Ketua Pemuzik Tradisional dalam bidang Wayang Kulit Kelantan yang masih aktif hingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni teater tradisional para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TAMAT

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH		
1:20	Menceritakan dengan terperinci tempat beliau dilahirkan dan dibesarkan.	Kampung Banggol Kulim.
2:07	Berkongsi nama gelaran yang dimiliki iaitu Abah Man.	Penduduk Kampung.
2:22	Membezakan antara hobi yang digemari antara zaman dahulu dan sekarang.	Dahulu hobi bersukan sekarang hobi meluangkan masa dengan seni tradisional.
4:13	Menjelaskan tentang isterinya yang merupakan pesara dalam penjawat awam.	Sebagai PPK [Pembantu Perubatan Kesihatan] di Hospital Machang.
BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
5:39	Mendapat pendidikan awal bermula Tahun 1 sehingga Tahun 6.	Sekolah Kebangsaan Telekong, Kuala Krai, Kelantan.

6:21	Kehidupan pada era 1960-an yang tidak maju tanpa bekalan elektrik.	Menggunakan pelita ayam
7:26	Menceritakan mengenai kenangan manis yang tidak dapat dilupakan.	Berjalan kaki ke sekolah kerana tiada kenderaan untuk ke sekolah.

BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL

8:05	Kerjaya yang dimiliki selepas terlibat diri dalam persembahan seni muzik wayang kulit.	Pemandu ambulans di Hospital Machang.
8:16	Memberitahu penglibatan beliau dalam persembahan wayang kulit adalah di awal usia 8 tahun.	Persembahan seni muzik tradisional wayang kulit.
8:26	Bermula bekerja di awal usia 20 tahun selepas sahaja bergiat dalam persembahan wayang kulit.	Pemandu ambulans Hospital Machang.
8:47	Gaji yang diterima sebagai pemandu ambulans pada awalnya sangat rendah.	RM280 sebulan.

BAHAGIAN D: PERMULAAN AWAL KEGIATAN SENI MUZIK TRADISIONAL WAYANG KULIT

10:23	Menceritakan tentang tahun beliau memulakan kegiatan beliau sebagai pemuzik tradisional wayang kulit ketika umur beliau masih muda.	berusia 8 tahun.
-------	---	------------------

12:24	Memiliki anak-anak yang berjaya meneruskan pengajian dan ada juga yang telah menamatkan pengajian di Universiti-Universiti di Malaysia.	UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris], UniMaP [Universiti Malaysia Perlis] dan Universiti Melaka.
12:48	Berjaya membawa kesenian muzik tradisional wayang kulit merantau ke pelusuk dunia tanpa sempadan.	US [United State], Perancis, Amsterdam.
15:43	Mencungkil ilmu daripada senior tentang alatan muzik dan cara permainan alatan muzik ketika masih kecil.	Berusia 10 tahun.
16:23	Menjelaskan jenis hiburan yang anak muda zaman dahulu terlibat ketika waktu lapang.	main wayang kulit, puteri, dikir barat.
16:50	Wayang kulit disanjung sejak dari dulu sehingga kini.	Tiada tentangan yang diterima
21:11	Menerima undangan untuk membuat persembahan yang sangat banyak.	Musim pilihan raya, perkahwinan, majlis dan acara besar-besaran dan lain-lain.
25:50	Memberi latihan kepada semua generasi yang berminat tanpa dikenakan bayaran.	Ceramah mengenai seni muzik wayang kulit.

26:00	Mempunyai anak yang boleh membantu dan mengatur acara, persembahan dan juga menguruskan latihan kepada orang ramai.	Anaknya, Syafiq yang juga mempunyai kemahiran yang sama seperti beliau.
27:30	Beliau memiliki bakat untuk menentukan seseorang itu mahir dalam bermain alatan muzik yang mana dengan sekali pandang.	Alatan gendang, serunai, geduk dan lain-lain.
29:02	Alatan muzik yang wajib ada dalam setiap persembahan wayang kulit.	Geduk, Gedombak, Gong, Gendang, Canang, Kesi dan serunai.
30:16	Kepelbagai lagu yang dimainkan untuk persembahan wayang kulit.	Lagu Halman, Lagu Pok Dogol, Lagu Sri rama, Lagu Laksamana, Lagu Botomaharajawana dan 15 yang lain lagi.
31:56	Mempunyai anak bongsu yang belajar di Universiti awam yang mempunyai kepandaian dari semua segi tradisional dan boleh diiktirafkan sebagai pakar muzik tradisional.	Irshad yang belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris
42:42	Memilih pewaris Kumpulan Kesenian Warisan Pusaka, Machang Kelantan.	Anak bongsu, Irshad Abdul Rahman.

**BAHAGIAN E: PERSEMBAHAN SENI MUZIK TRADISIONAL WAYANG
KULIT**

51:12	Menjelaskan perbezaan setiap persembahan wayang kulit di setiap negara.	Menjelaskan perbezaan muzik dan intonasi irama setiap persembahan.
52:37	Menceritakan lebih jelas tentang bidang wayang kulit.	Berkongsi pengetahuan tentang wayang kulit serta keistimewaannya.
1:10:36	Menceritakan pengalaman beliau membuat persembahan di dalam dan luar negara.	Membuat persembahan di dalam Kelantan, Johor dan luar negara seperti Paris serta negara lain.
1:11:32	Tahun persembahan wayang kulit di luar negara dilakukan.	Tahun 2006, 2016 dan sebagainya.
1:12:46	Kesukaran ketika membuat persembahan wayang kulit.	Hujan.

BAHAGIAN F: ANUGERAH

1:37:08	Anugerah yang diperolehi.	Pengendang tradisi pusaka Kelantan.
---------	---------------------------	-------------------------------------

1:37:20	Perasaan ketika memiliki anugerah.	Menyeronokkan.
BAHAGIAN G: HARAPAN		
1:37:58	Menyatakan harapan terhadap seni Wayang Kulit pada masa kini.	Seni ibarat budaya sesuatu kaum yang perlu dipertahankan.
1:40:25	Berkongsikan pendapat apabila ada pihak memodenkan karya asli Wayang Kulit tradisional mengikut era masa kini.	Menyatakan kekecewaan beliau apabila ada pihak memodenkan keaslian tradisional Wayang Kulit.
1:45:06	Menyatakan pendapat seni Wayang Kulit dalam diri anak muda masa kini.	Mencadangkan seni Wayang Kulit diterapkan di sekolah berbanding televisyen.
1:46:50	Berkongsi cara terbaik dalam menerapkan seni Wayang Kulit dalam diri anak-anak masa kini.	Menerapkan seni Wayang Kulit di sekolah dan mencadangkan penambahan guru seni di Sekolah.
1:48:36	Menyatakan impian yang masih belum tercapai terhadap seni Wayang Kulit.	Mengharapkan pihak kerajaan untuk menghargai penggiat seni.

1:49:20	Menyatakan pendapat dan nasihat terhadap anak muda yang masih berminat dengan seni Wayang Kulit.	Mencadangkan anak muda untuk cuba menceburi seni apa pun asalkan tidak melangkaui batas agama.
1:51:13	Berkongsi kata kata positif terhadap Penemubual Siti Norafiqah dan Nor Hanisah.	Menasihatkan penemubual untuk sentiasa mengutamakan solat dan jangan sesekali meninggalkannya.

GLOSARI

PPK Hospital Machang

Akronim kepada Pembantu Perubatan Kesihatan di Hospital Machang. Definisi tugas untuk jawatan ini adalah bertanggungjawab untuk menyediakan alatan rawatan, menjaga dan memerhatikan status keadaan pesakit dengan merekodkan kedalam buku rekod pesakit.

US

Akronim kepada United States of America (US) sebuah negara barat yang mempunyai kemajuan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Negara ini mempunyai hampir 57 negeri dan mempunyai populasi masyarakat seramai 331.9 juta direkodkan pada tahun 2021.

UPSI

Akronim kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Ianya sebuah universiti tempatan yang menawarkan pengajian Pendidikan di Tanjung Malim, Perak

COVID	Akronim kepada Coronavirus merupakan virus pandemik yang merebak di seluruh negara bermula pada tahun 2020. Virus ini merupakan virus yang menjadi punca penyakit berjangkit melibatkan kegagalan bernafas, demam panas, batuk kering dan sebagainya.
PA Systems	Akronim dalam bahasa English ialah Public Address Systems, manakala dalam bahasa Melayu pula ialah Sistem Siaraya.
SPM	Akronim kepada Sijil Pelajaran Malaysia menurut Kamus Dewan Edisi Keempat.
TV	Televisyen menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Memaparkan siaran bergambar dan video dan disertakan dengan bunyi dan suara, merupakan salah satu bentuk media.
UiTM	Universiti Teknologi Mara namun nama dahulu merupakan Institut Teknologi Mara menurut Kamus Dewan Edisi Keempat.

OKU

Akronim kepada Orang Kurang Upaya yang tidak mempunyai kesempurnaan dan kekurangan dalam tempoh yang lama ataupun kekal sama ada dalam bentuk fizikal ataupun mental.

DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
1:02 PM	4 Januari 2023	Membuat Pesanan WhatsApp	Pesanan Whatsapp dibuat untuk memastikan tokoh memberi tindak balas dengan baik sebelum meneruskan projek.
6:23 PM	4 Januari 2023	Membuat Pesanan WhatsApp	Bertanya tokoh tentang persetujuan beliau untuk ditemubual.
8:00 PM	4 Januari 2023	Membuat pesanan WhatsApp	Menghantar salinan soalan temubual yang akan ditanya
11:48 AM	5 Januari 2023	Membuat Panggilan WhatsApp	Berbincang hari dan tarikh untuk melangsungkan temubual
2:19 PM	7 Januari 2023	Membuat pesanan WhatsApp	Bertanyakan lokasi dan alamat rumah beliau
3:00 PM	10 Januari 2023	Perjumpaan bersama-sama dengan tokoh untuk menjalankan temubual	Menyelesaikan temubual dengan lengkap.

SENARAI SOALAN

A. Latar Belakang Tokoh

Assalamualaikum encik, pertama sekali kita akan mulakan sesi ini dengan latar belakang encik terlebih dahulu.

1. Encik apa khabar, bagaimana dengan kesihatan encik hari ini?
2. Bolehkah encik beritahu kami nama sebenar encik?
3. Bilakah tarikh encik dilahirkan?
4. Berapakah umur encik sekarang?
5. Berapakah bilangan adik beradik encik?
6. Encik anak yang ke berapa?
7. Adakah encik sememangnya dilahirkan dan dibesarkan di negeri Kelantan? Nyatakan nama tempat tersebut.
8. Adakah encik ada sebarang gelaran yang diberikan kepada encik oleh penduduk kampung atau keluarga?
9. Apakah hobi encik ketika waktu lapang?
10. Seterusnya encik, kita beralih kepada latar belakang kedua ibu bapa encik. Apakah nama penuh mereka?
11. Dahulu, ibu bapa encik bekerja sebagai apa?
12. Adakah encik sudah berkahwin?
13. Sudah berapa lama tempoh perkahwinan encik?
14. Bolehkah encik beritahu nama isteri encik?
15. Berapakah pula umur isteri encik?
16. Adakah isteri encik merupakan asal dari negeri Kelantan?
17. Nyatakan nama tempat?
18. Apakah pekerjaan isteri encik?
19. Bersara sebagai?
20. Berapakah bilangan kesemua anak encik?
21. Adakah encik mempunyai cucu? Nyatakan jumlahnya.
22. Boleh encik gambarkan sedikit kenangan sewaktu kecil yang masih kekal dalam ingatan encik?

B. Latar Belakang Pendidikan

Seterusnya, kita akan beralih kepada latar belakang pendidikan encik pula.

23. Bolehkah encik ceritakan latar belakang pendidikan encik dari pendidikan awal dahulu sehingga peringkat tertinggi?
24. Apakah subjek kegemaran encik?
25. Adakah encik pernah memasuki apa apa pertandingan ketika di sekolah?
26. Bolehkah encik kongsikan pengalaman manis encik ketika di sekolah?

C. Kerjaya awal

Baiklah, kita beralih kepada pekerjaan awal encik dahulu.

27. Sebelum encik terlibat dalam persembahan wayang kulit ini, adakah encik ada pekerjaan lain?
28. Berapakah gaji yang diterima ketika encik bekerja ketika itu?

D. Permulaan awal kegiatan Tokoh dalam seni muzik Wayang Kulit

Seterusnya, kita beralih pula tentang kegiatan encik dalam bidang wayang kulit ini.

29. Sekiranya encik masih ingat, pada tahun bilakah encik mula berjinak jinak dalam bidang muzik tradisional wayang kulit?
30. Siapakah guru encik yang memberi tunjuk ajar kepada encik dalam seni muzik wayang kulit ini?
31. Adakah encik memang mendapatkan latihan dalam seni muzik wayang kulit ini di Kelantan?
32. Pada awal penglibatan, berapa orangkah yang bersama-sama dengan encik dalam memulai kegiatan ini?
33. Adakah ada faktor lain yang mendorong kepada encik untuk meneruskan diri encik dalam bidang muzik wayang kulit ini?
34. Pernahkan penglibatan encik ini mendapat tentangan dari mana mana pihak?
35. Pernahkah encik pernah berasa ingin berputus asa dalam menjalankan kegiatan sebagai pemuzik persembahan wayang kulit ini?

36. Berdasarkan pengalaman encik, adakah menjadi seorang ketua pemuzik tradisional wayang kulit ini sangat sibuk?
37. Adakah encik mempunyai satu kumpulan muzik yang khusus untuk persembahan wayang kulit?
38. Apakah nama kumpulan tersebut.
39. Berapa ramai ahli pemuzik wayang kulit di bawah pentadbiran encik?
40. Kebanyakannya mereka berusia dalam lingkungan berapa?
41. Adakah mereka perlukan pengalaman sekiranya ingin menyertai kegiatan encik?
42. Apakah syarat yang encik kenakan kepada semua ahli di bawah encik?
43. Adakah ahli pemuzik encik terdiri daripada lelaki sahaja?
44. Adakah encik mengasingkan ahli muzik encik kepada bahagian dan tugas masing-masing seperti, sesetengah bermain alat muzik lain manakala sesetengah lagi bermain alat muzik yang lain pula?
45. Bolehkah encik nyatakan jenis alatan muzik yang wajib ada dalam persembahan wayang kulit?
46. Bolehkah encik ceritakan jenis irama muzik yang biasa dimainkan dalam persembahan wayang kulit?
47. Berbalik kepada alatan muzik yang encik katakan tadi, boleh tak saya nak tahu kos untuk setiap alatan muzik tersebut?
48. Adakah untuk membeli alat muzik tersebut, adakah ianya duit sendiri ataupun duit tajaan daripada kerajaan?
49. Diantara kesemua alat muzik tersebut, apakah alat muzik yang paling senang Encik nak dapat?
50. Kalau ada alat muzik yang senang nak dapat, pasti ada alat muzik yang susah nak dapat kan?
51. Boleh Encik kongsikan kepada kami alat muzik yang sukar untuk didapati tersebut?
52. Macam yang Encik katakan, untuk setiap alatan muzik tersebut, agak agak berapa lama untuk setiap seorang tu mahir bermain alat muzik tersebut?
53. Adakah encik memberikan latihan asas dahulu untuk ahli muzik untuk persembahan wayang kulit?
54. Adakah pelancong juga diberi latihan asas untuk mencuba bermain alatan muzik?
55. Untuk persembahan di luar negara, adakah encik mendapat tajaan penerbangan dari pihak kerajaan Malaysia?

56. Berbalik kepada soalan asal berkaitan latihan asas alatan muzik, Encik ada kenakan bayaran kepada mereka?
57. Bolehkah encik kongsikan sedikit jenis latihan apa yang paling penting untuk persembahan wayang kulit, keserasian irama atau muzik yang bagaimana?
58. Boleh tak Encik kongsikan kepada kami jenis latihan yang diberikan agar persembahan berjalan dengan baik tanpa cacat cela?
59. Adakah setiap pemain diasingkan dengan alat muzik yang mereka minat ataupun berdasarkan dengan kepakaran mereka?
60. Adakah muzik tradisional wayang kulit ini pernah dimodenkan seperti penggunaan alat muzik yang moden atau irama moden?
61. Adakah anak-anak encik sendiri terlibat tentang seni muzik wayang kulit ini, ataupun ada yang terlibat dengan bidang seni lain?
62. Diantara kesemua anak-anak encik, yang manakah encik rasa dia mempunyai bakat yang paling besar dalam bidang seni muzik wayang kulit ini?
63. Adakah encik sememangnya menerapkan ilmu seni wayang kulit ini kepada dia ataupun dia sendiri yang menunjukkan minatnya?
64. Adakah sememangnya dia seorang sahaja yang diberi pendedahan berkaitan seni muzik ini berbanding anak-anak yang lain?
65. Mengapa diantara kesemua anak lelaki encik, encik lebih memilih anak encik yang bongsu itu?
66. Ada tak diantara kesemua anak encik, dia menunjukkan dirinya tidak berminat dengan seni muzik wayang kulit ini?
67. Adakah encik sudah mempunyai pewaris di antara anak-anak encik yang akan mewarisi seni muzik wayang kulit ini di masa akan datang?
68. Sekiranya legasi wayang kulit encik ini diturunkan kepada anak encik, siapakah anak encik yang dipilih?
69. Mengapa encik memilih anak encik yang tersebut untuk meneruskan legasi muzik wayang kulit ini?
70. Andai kata, anak encik tidak mahu meneruskan legasi wayang kulit encik ini, adakah encik sanggup menjualnya kepada orang luar?
71. Ada tak adik beradik encik yang berkongsi minat sama seperti encik?
72. Diantara kesemua ahli encik, boleh encik kongsikan siapa diantara mereka yang mempunyai kemahiran muzik wayang kulit sehebat encik?

73. Adakah encik mempunyai rakan yang sama-sama terlibat dengan seni muzik wayang kulit ini?
74. Adakah kesemua rakan rakan encik bertahan lama dalam bidang ini?
75. Boleh encik kongsikan nama rakan encik tersebut?
76. Ada tak kenalan encik yang sangat hebat sehingga encik mengidolakan beliau dalam bidang seni muzik wayang kulit ini?

E. Persembahan Seni Muzik Tradisional Wayang Kulit

Selepas itu, persembahan encik dalam kegiatan seni muzik tradisional wayang kulit ini pula.

77. Seterusnya, kita beralih pada persembahan wayang kulit, bolehkan encik ceritakan apa itu wayang kulit?
78. Apakah tujuan muzik tradisional dalam setiap persembahan wayang kulit?
79. Boleh tak encik kongsikan pengetahuan encik berkaitan persembahan wayang kulit ini?
80. Bolehkah encik ceritakan juga apakah keistimewaan seni wayang kulit ini?
81. Pernahkah encik membuat persembahan wayang kulit yang besar di sekitar negeri Kelantan?
82. Pernahkan encik membuat persembahan luar dari negeri Kelantan? sila nyatakan.
83. Untuk setiap persembahan yang encik lakukan, adakah encik selalu membuat persembahan di universiti ataupun lebih kepada di tempat umum?
84. Sekiranya encik masih ingat, pernahkah encik membuat persembahan wayang kulit di peringkat antarabangsa?
85. Memandangkan encik mengatakan pernah melihat persembahan wayang kulit di negara luar, boleh tak encik kongsikan perbezaan yang dapat dilihat dengan persembahan wayang kulit negara kita?
86. Adakah teknik irama muzik juga berbeza seperti intonasi?
87. Dimana persembahan itu diadakan?
88. Agak agak pada tahun berapa persembahan itu dilakukan?
89. Apakah kesukaran yang selalu dihadapi ketika membuat persembahan tersebut?
90. Mengapakah encik ada mengatakan televisyen merupakan satu platform yang tidak bagus, halangan dan memberi implikasi kepada encik untuk memperluaskan seni ini kepada masyarakat?

91. Adakah encik yakin bahawa warisan seni wayang kulit ini elok dipersembahkan secara bersemuka dengan masyarakat berbanding disiarkan di televisyen?
92. Agak-agaknya sudah berapa banyak persembahan yang telah encik lakukan sepanjang terlibat dalam bidang seni wayang kulit ini?
93. Pernahkah encik berkolaborasi dengan mana-mana dalang wayang kulit yang lain untuk membuat persembahan?
94. Pernahkah encik memenangi pertandingan wayang kulit?
95. Berapakah keuntungan yang encik perolehi ketika membuat persembahan wayang kulit?
96. Setiap kali encik melakukan persembahan wayang kulit, apakah persediaan paling penting encik terapkan?
97. Kebiasaan berapakah ahli yang terlibat dalam persembahan wayang kulit?
98. Adakah encik hanya ambil ahli yang hebat dan berpengalaman sahaja untuk menyertai encik membuat persembahan?
99. Boleh saya tahu peranan siapa yang paling penting ketika melakukan persembahan wayang kulit?
100. Berapakah harga yang encik tetapkan untuk setiap persembahan yang encik pernah lakukan?
101. Boleh saya tahu, kebiasaan persembahan wayang kulit ini biasanya berapa lama untuk satu persembahan?
102. Adakah encik mempunyai galeri berkaitan bidang ini?
103. Pada permulaan penglibatan seni muzik wayang kulit ini dahulu, boleh encik kongsikan jumlah kos awal untuk memulakan kegiatan ini?
104. Adakah permintaan persembahan wayang kulit di negeri luar lebih tinggi berbanding Kelantan?
105. Bagaimanakah encik mempromosikan kegiatan encik dalam bidang wayang kulit ini kepada orang awam di dalam dan luar negeri Kelantan?
106. Pada pendapat encik, adakah anak muda di negeri Kelantan pada masa sekarang ini masih berminat dengan seni muzik wayang kulit?
107. Pernahkah encik bercadang untuk mengadakan program untuk berkongsi pengetahuan tentang seni muzik wayang kulit kepada anak muda di sekitar negeri kelantan ini ?
108. Pada pendapat encik, adakah seni wayang kulit ini akan berkekalan untuk masa yang lama di masa akan datang atau sebaliknya?
109. Adakah encik berminat untuk meluaskan kemahiran encik ke negeri luar?

110. Sepanjang encik menjalankan kegiatan ini, apakah pengalaman yang paling tidak dapat encik lupakan?
111. Selain daripada berkhidmat sebagai ketua pemuzik wayang kulit, adakah encik ada kegiatan sampingan yang lain? Jika ada, sila nyatakan.
112. Selain daripada itu, adakah encik bersetuju sekiranya saya mengatakan bahawa bidang seni muzik wayang kulit ini tidak mempunyai persaingan?
113. Memandangkan encik masih setia dalam bidang muzik wayang kulit ini, boleh kongsikan tips dan usaha encik untuk bertahan dalam bidang ini selain dorongan keluarga, rakan rakan dan sebagainya.

F. Anugerah

Sebelum kita tamatkan temubual ini, boleh encik kongsikan kepada kami tentang anugerah pula.

114. Apakah anugerah yang encik perolehi sepanjang menjalankan persembahan wayang kulit ini?
115. Apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah tersebut?

G. Harapan

Sekarang kita berada di pengakhiran temubual, boleh encik kongsikan.

116. Apakah harapan encik untuk masa hadapan berkaitan seni wayang kulit ini?
117. Apakah harapan encik untuk masa hadapan berkaitan seni wayang kulit ini?
118. Bagi pendapat encik, adakah ianya satu kerugian kepada seni warisan wayang kulit sekiranya terdapat sesetengah pihak memodenkan atau menambahbaikkan peraturan wayang kulit Melayu Tradisional itu kepada bentuk dan seni yang lebih moden?
119. Adakah generasi sekarang perlu didedahkan kepada seni warisan wayang kulit ini?
120. Memandangkan sekarang merupakan zaman digital dan moden, pada pendapat encik sejauh manakah perkembangan wayang kulit yang bersifat tradisional ini dapat diterapkan diri anak-anak muda pada masa kini?
121. Apakah cara yang terbaik untuk menerapkan seni wayang kulit ini kedalam diri anak-anak muda sekarang?
122. Apakah impian encik yang belum tercapai?

123. Apakah akhir kata yang encik ingin sampaikan kepada golongan muda yang berminat untuk menerajui seni wayang kulit ini di masa akan datang?
124. Bolehkah encik kongsikan sedikit kata kata positif kepada kami berdua untuk terus bersemangat seperti encik?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ABDUL RAHMAN BIN DOLLAH, K/P: pada
13 / 02 / 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.


(Nama tokoh ABDUL RAHMAN)
BIM DOLLAH
Tarikh:
13 / 02 / 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR



Gambar: Patung Wayang Kulit



Gambar: Siti Norafiqah dan Nor Hanisah



Gambar: Alat alat muzik yang digunakan ketika persembahan



Gambar: Gong



Gambar: Geduk



Gambar: Gedombak



Gambar: Gendang



Gambar: Kesi



Gambar: Canang



Gambar: Serunai



Gambar: Encik Abdul Rahman bersama Siti Norafiqah dan Nor Hanisah

SIJIL PENGHARGAAN

LAMPIRAN 1



Gambar: Sijil Penghargaan salah seorang anak Encik Abdul Rahman

LAMPIRAN 2



Gambar: Encik Abdul Rahman dalam kenyataan akhbar



Gambar: Encik Abdul Rahman, keluarga dan kumpulan Seni Warisan Pusaka di luar negara.



Gambar: Ahli keluarga dan kumpulan Encik Dollah Bin Abdul Rahman.

INDEKS

A

Al -Quran, 7, 13, 39
Asas, 23, 24, 25, 71, 72

B

Bangsa, 14, 30, 39, 45, 49, 52, 53
Bekerja, 5, 10, 59, 69, 70
Belajar, 14, 18, 20, 22, 23, 24, 25, 39, 44,
45, 46, 52, 61

C

Cebur, 11, 13
Cikgu, 15, 50, 51

D

Diorang, 13, 14, 17, 22, 24, 29, 33, 34, 36,
38, 43, 46, 50, 52

E-

F-

G-

Gedombak, 14, 18, 20, 21, 25
Gendang, 16, 18, 19, 20, 21, 60
Generasi, 1, 5, 11, 15, 17, 32, 39, 50, 52,
60, 76
Gong, 60, 80

H-

I-

Ilmu, 13, 26, 55, 59, 72
Irama, 20, 25, 26, 37, 38, 61, 71, 72, 73

J-

K

Kampung, xvi, 3, 4, 9, 16, 57
Kelantan, 4, 5, 6, 9, 10, 44, 75, 88
Kepakaran, 1, 23, 25, 26, 72
Kerajaan, 22, 34, 36, 50, 52, 63, 71, 72

L

Lagu, x, 20, 38, 52, 61
Latihan, 12, 23, 24, 25, 60, 70, 71, 72

M-

N-

O-

P-

Q-

R-

S

Sanjung, 13
Sekolah, 8, 9, 11, 15, 17, 18, 27, 39, 51,
52, 58, 63, 70
Semangat, 14, 16, 49
Seni, vi, xiv, 1, 16, 40, 49, 62, 73, 86, 89
Serunai, 20, 60, 61
Silat, 30

T

Televisyen, 31, 32, 51, 63, 74
Terap, 15, 51
Tradisional, vi, 3, 5, 10, 11, 13, 14, 15, 19,
21, 26, 27, 33, 36, 41, 46, 50, 51, 55, 57,
58, 59, 61, 63, 70, 71, 72, 73, 76, 88

TV, vii, 31, 32, 66

U

Universiti, 27, 34, 35, 36, 39, 40, 65, 73

V-

W

Wayang Kulit, vi, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14,
15, 16, 17, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27,
28, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39,
40, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51,
52, 58, 59, 60, 61, 62, 70, 71, 72, 73, 74,
75, 76

X-

Y-

Z-

BIBLIOGRAFI

Pusat kajian Sejarah Lisan. (Januari 2023). Universiti Kebangsaan Malaysia.
<http://www.ukm.my/sejarah/>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat). (Dilawat pada Januari 20, 2023). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tradisional>

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. (Dilawat pada januari 20, 2023). Alatan Muzik. <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/warisan/wayang-kulit/alatan-muzik#:~:text=Muzik%20juga%20berperanan%3A,suasana%20tiap%20Dtiap%20satu%20adegan.>

Wayang Kulit. (2003). Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/wayang_kulit.pdf

Rahmah Bujang, (1998). Fungsi Komunikasi dan Estetika dalam persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 18. file:///C:/Users/User/Downloads/19603%20(5).pdf

Nalida, (1 Julai 2022). Wayang Kulit Warisan Kesenian Khazanah Bangsa. <https://dewanbudaya.jendeladb.my/2022/07/01/2285/>

Jamaludin Osman (2002). Pendidikan Pedalangan Di Dalam Wayang Kulit Kelantan dalam Wacana Seni Journals of Arts Discourse. Jilid.1. Universiti Sains Malaysia. http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/JOURNAL_1%20PDF/PENDIDIKAN%20PENDALANGAN%20DI%20DALAM%20WAYANG%20KULIT%20KELANTAN_JAMALUDIN%20OSMAN.pdf

Azrul Azizi Amirul (5 September 2020). Peranan Dalang Dalam Reka Bentuk Pentas Persembahan Wayang Kulit Kelantan. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/2826/1863>